



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC) DR. 13 TAHUN 2025



TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN LEMBAGA HASIL
DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN
AKAUN BELUM TERIMA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
(DR. 6 TAHUN 2025)





AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

1. YB Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan Johan [Bangi]
4. YB Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Adnan Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam Mohd Isa [Tampin]
7. YB Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman Anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali Anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
2. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
3. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Kementerian Ekonomi (KE)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

KANDUNGAN

MUKA SURAT 2

PENDAHULUAN

MUKA SURAT 2 - 5

LATAR BELAKANG

MUKA SURAT 6 - 24

**TINDAKAN SUSULAN YANG DIAMBIL BAGI
SYOR-SYOR PAC PARLIMEN**

MUKA SURAT 24

PENUTUP

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

**TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN KEWANGAN DAN LEMBAGA
HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN
BERHUBUNG PENGURUSAN
AKAUN BELUM TERIMA
LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF)
DAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)**

**BAGI SYOR-SYOR
PENYATA PAC PARLIMEN**

BERHUBUNG

**PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA LEMBAGA HASIL DALAM
NEGERI MALAYSIA (LHDNM)
(DR. 6 TAHUN 2025)**

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah sebahagian daripada penemuan audit yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) 3/2024 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023.
- 1.2. Jabatan Audit Negara (JAN) mendapati bahawa ABT LHDNM pada tahun 2023 adalah berjumlah RM34.591 bilion berbanding tahun 2022 yang berjumlah RM40.385 bilion, iaitu menurun sebanyak RM5.794 bilion (14.3%). Penurunan ABT LHDNM ini disebabkan oleh hapus kira berjumlah RM726.70 juta dan taksiran kurangan yang dibangkitkan pada tahun 2023.
- 1.3. Oleh itu, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) Parlimen telah membincangkan isu-isu tersebut melalui Prosiding Bil. 14(a)/2024 pada 5 November 2024, Prosiding Bil. 14(b)/2024 pada 26 November 2024 dan Prosiding Bil 14(c)/2024 pada 4 Februari 2025 yang bertujuan untuk mengkaji serta meneliti isu-isu berhubung Pengurusan ABT LHDNM yang telah dibangkitkan di dalam LKAN 3/2024 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2023.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1. PAC telah membentangkan Penyata PAC Parlimen bertajuk Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6/2025) pada 27 Februari 2025 di Dewan Rakyat.
- 2.2. Dalam penyata berkenaan, PAC telah mengemukakan rumusan dan lima (5) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF dan LHDNM iaitu:

- i. Syor 1: Pihak LHDNM perlu meneruskan tindakan pematuhan dan penguatkuasaan bagi memastikan taksiran yang dibangkitkan dapat dipungut dan tidak menjadi ABT seterusnya meningkatkan hasil Kerajaan.
 - ii. Syor 2: LHDNM perlu menambah baik proses pentaksiran cukai bagi mengurangkan kes rayuan.
 - iii. Syor 3: LHDNM harus memastikan bahawa undang-undang perlu diketatkan bagi memastikan tidak berlaku ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai.
 - iv. Syor 4: LHDNM perlu melaporkan status pelaksanaan e-Invois agar kaedah ini dipermudahkan kepada pembayar-pembayar cukai dalam pada masa yang sama pungutan cukai dapat dipertingkatkan.
 - v. Syor 5: LHDNM perlu meningkatkan program mengenai kepatuhan undang-undang cukai kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya syarikat dan individu yang menjana pendapatan daripada ekonomi digital.
- 2.3. Berdasarkan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023), tindakan susulan perlu diambil oleh MOF dan LHDNM selepas Penyata PAC tersebut dibentangkan di Dewan Rakyat.
- 2.4. MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Interim terhadap Syor-syor Penyata PAC berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6/2025) kepada PAC pada 25 Mac 2025. Seterusnya, MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Muktimad Pegawai Pengawal terhadap Syor-syor Penyata PAC tersebut pada 20 Mei 2025.
- 2.5. Berikutan itu, PAC telah mengadakan Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke atas Syor-syor PAC Parlimen berhubung Pengurusan Akaun

Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6/2025) pada 21 Mei 2025 melalui mandat dan punca kuasa seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat 83 (2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMMDR);
- ii. Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023); dan
- iii. Seksyen 5 (3)(d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.

2.6. Kronologi tindakan susulan yang telah diambil MOF dan LHDNM terhadap Syor-Syor Penyata PAC Parlimen berhubung Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6/2025) adalah seperti jadual berikut:

BIL.	TARIKH/ MASA	PERKARA
1.	27 Februari 2025/ 10.00 pagi	Pembentangan Penyata PAC Parlimen di Dewan Rakyat
2.	25 Mac 2025	Laporan Tindakan Susulan Interim - Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6/2025) telah dikemukakan oleh MOF.
3.	20 Mei 2025	Laporan Tindakan Susulan Muktamad - Pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (ABT LHDNM) di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) (DR. 6/2025) telah dikemukakan oleh MOF.

*PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) DAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA LHDNM (DR. 6/ 2025)*

4.	21 Mei 2025/ 11.00 pagi	Prosiding Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-Syor PAC Parlimen bagi Penyata PAC Parlimen (DR.6/ 2025). Saksi: i. Kementerian Kewangan (MOF) - Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) ii. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) - Encik Shaharrudy bin Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian)
----	----------------------------	---

***TINDAKAN SUSULAN BAGI
SYOR-SYOR PAC
(DR. 6/2025)***



3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN (DR. 6/ 2025)

- 3.1. Syor 1: Pihak LHDNM perlu meneruskan tindakan pematuhan dan penguatkuasaan bagi memastikan taksiran yang dibangkitkan dapat dipungut dan tidak menjadi ABT seterusnya meningkatkan hasil Kerajaan.**

Maklum Balas LHDNM:

3.1.1. Mempertingkatkan tindakan penguatkuasaan.

- (a) Tindakan penguatkuasaan undang-undang sedia ada diteruskan dan dipergiatkan.
- (b) Beberapa faktor yang dikenalpasti menyebabkan cukai tidak dapat dikutip dan meningkatkan ABT seperti berikut:
 - (i) Pembayar cukai tidak dapat dikesan;
 - (ii) Taksiran anggaran; dan
 - (iii) Cukai di bawah ambang pelaksanaan guaman sivil.
- (c) Tindakan bagi memastikan cukai dapat dikutip dan mengurangkan ABT ialah seperti berikut:-

Bil.	Faktor	Tindakan
1.	Pembayar cukai tidak dapat dikesan	Meningkatkan kerjasama libat urus dan jalinan kerjasama antara agensi kerajaan dan syarikat swasta seperti berikut: (a) Jabatan Kastam Diraja Malaysia; (b) Jabatan Pendaftaran Negara; (c) Suruhanjaya Syarikat Malaysia; (d) Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara; (e) Tenaga Nasional Berhad; (f) Syarikat Air Darul Aman (SADA); (g) Sarawak Water Sdn. Bhd.; (h) Lembaga Air Perak; dan

*PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN TERHADAP
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN KEWANGAN (MOF) DAN LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA (LHDNM)
BAGI SYOR-SYOR PENYATA PAC PARLIMEN BERHUBUNG PENGURUSAN AKAUN BELUM TERIMA LHDNM (DR. 6/ 2025)*

		(i) Air Selangor Holding Berhad.
2.	Taksiran anggaran	Sekiranya Pembayar Cukai dapat dikesan dan mengemukakan dokumen, LHDNM akan menyemak semula (<i>revise</i>) taksiran anggaran yang telah dibangkitkan dengan segera. Aturan bayaran juga boleh dipertimbangkan bagi memastikan cukai dapat dikutip dan mengurangkan ABT.
3.	Cukai di bawah ambang pelaksanaan guaman sivil	Melaksanakan operasi untuk mengesan pembayar cukai dan menawarkan penyelesaian secara ansuran seperti berikut: (a) OP Kosmo di Lembah Klang pada 13 hingga 17 Januari 2025; (b) OP Mesra Guaman 1.0 di Kelantan pada 24 Februari 2025; (c) OP Dagang di Perak pada 24 hingga 26 Februari 2025; (d) OP Dagang di Johor pada 26 hingga 27 Februari 2025; (e) Hornbill Force di Sarawak pada 27 Februari 2025; (f) OP Serahan Saman 1.0 di Terengganu pada 9 Mac 2025; (g) OP Rejang di Sarawak pada 21 hingga 22 April 2025; (h) OP Mesra Guaman 2.0 di Kelantan pada 23 April 2025; (i) OP Tombak di Sabah pada 23 hingga 24 April 2025; (j) OP Mesra Guaman di Pulau Pinang pada 29 April 2025:

		(k) OP Serahan Saman 2.0 di Terengganu pada 28 hingga 29 April 2025; dan (l) OP Tuntas di Lembah Klang pada 5 hingga 8 Mei 2025.
--	--	---

3.1.2. Mempertingkatkan dan memperkemaskan keberkesanan pengurusan ABT

Beberapa penambahbaikan dilakukan oleh LHDNM bagi mempertingkatkan keberkesanan dan memperkemaskan pengurusan ABT seperti berikut:

(a) Meningkatkan tindakan automasi bagi tindakan awal pemungutan.

(i) Perkhidmatan permohonan ansuran untuk bayaran baki cukai atau tunggakan cukai secara dalam talian melalui e-Ansuran melalui Portal *MyTax* telah diperkenalkan mulai 5 Mac 2025. Kenyataan Media telah dikeluarkan pada 18 Mac 2025. Statistik Penggunaan e-ansuran sejak diperkenalkan sehingga 27 April 2025 adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Kes	Amaun (RM juta)
Individu	3,240	29.73
Syarikat	102	5.27
JUMLAH	3,342	35.00

(ii) Pengeluaran surat pemakluman tunggakan cukai secara automasi telah dilaksanakan pada 21 April 2025 ke atas 9,314 pembayar cukai untuk tunggakan cukai sebanyak RM430 juta.

(b) Mempercepatkan tindakan sekatan perjalanan sebaik sahaja wujud tunggakan cukai selepas tarikh ditentukan (*due date*) atau surat pemakluman tunggakan cukai telah dikeluarkan. Statistik tindakan sekatan perjalanan yang telah diambil pada tahun 2025 (sehingga 23 April 2025) adalah seperti berikut:

Kategori	Bilangan Kes	Amaun (RM juta)
Individu	15,061	667.353
Syarikat	1,772	535.337
JUMLAH	16,833	1,202.690

- (c) Memastikan seluruh kes tunggakan yang memenuhi kriteria hapuskira untuk segera dikemukakan untuk pertimbangan dan perakuan di Jawatankuasa Penghapusan Tunggakan Hasil.

Mesyuarat Jawatankuasa Penghapusan Tunggakan Hasil Bil. 1/2025 telah diadakan pada 6 Mac 2025. Sebanyak 1,515 kes dengan amaun tunggakan RM26.816 juta telah diperakukan untuk hapuskira.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif LHDNM bagi tujuan keberkesanan pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) dengan melaksanakan tindakan penambahbaikan dalaman LHDNM seperti mengautomasi pengeluaran surat makluman tunggakan cukai dan mempercepat prosedur sekatan perjalanan.

PAC menyarankan LHDNM supaya terus mempergiat tindakan penguatkuasaan undang-undang sedia ada, selain membuat penambahbaikan dari semasa ke semasa seperti memberi penghantaran notifikasi melalui SMS atau e-mel.

3.2. Syor 2: LHDNM perlu menambah baik proses pentaksiran cukai bagi mengurangkan kes rayuan.

Maklum Balas LHDNM:

LHDNM maklum dengan isu rayuan cukai dan telah mengamalkan prosedur kerja yang ketat dan teratur dan sentiasa memperbaikinya dari semasa ke semasa. Antara tindakan yang baharu dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (a) Penguatkuasaan Panel Semakan Kerja Audit (PSKA) untuk memperbaiki proses kerja semakan audit dengan mewajibkan perbincangan kes bagi setiap kes yang diaudit. Ini bagi memastikan isu-isu audit adalah kukuh dan dapat dipertahankan.
- (b) Selaras dengan hasrat pengurusan LHDNM untuk meningkatkan kualiti penyelesaian kes audit cukai, bermula Tahun 2025 pihak Sektor Pematuhan Cukai (SPC), LHDNM telah menetapkan peratusan minima penyelesaian kes dengan persetujuan berbanding jumlah keseluruhan kes selesai pada kadar 60% bagi LHDNM Negeri dan Cawangan Khas. Tindakan ini bertujuan menggalakkan pegawai audit berusaha untuk menyelesaikan kes dengan taksiran yang lebih berkualiti. Oleh itu, ini dapat mengurangkan risiko peningkatan ABT dan rayuan oleh pembayar cukai.
- (c) Arahan Operasi Bil. 5 Tahun 2025 bertarikh 31 Januari 2025 telah dikeluarkan bagi penambahbaikan perkara berikut:
 - i. Pewujudan jawatankuasa semakan rayuan atau bantahan;
 - ii. Penetapan bidang kuasa dan had kelulusan; dan
 - iii. Penyeragaman proses semakan rayuan atau bantahan.

Tindakan ini diambil supaya kawalan dan ketelusan proses rayuan adalah teratur.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif yang telah dilaksanakan oleh LHDNM bagi mengurangkan risiko peningkatan ABT dan rayuan oleh pembayar cukai seperti penubuhan Panel Semakan Kerja Audit (PSKA), penetapan baharu penyelesaian kes audit dengan persetujuan dan penambahbaikan melalui Arahan Operasi Bil. 5 Tahun 2025.

PAC menegaskan bahawa usaha ini perlu dipergiat dan LHDNM hendaklah melaksanakan pemantauan yang berterusan bagi memastikan keberkesanan proses pentaksiran cukai secara keseluruhan.

3.3. Syor 3: LHDNM harus memastikan bahawa undang-undang perlu diketatkan bagi memastikan tidak berlaku ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai.

Maklum Balas LHDNM:

Memperkemas Undang-Undang Sedia Ada dan Memperkenal Undang-Undang Baharu

Kementerian Kewangan telah memperkenalkan beberapa undang-undang baharu bagi menguatkuasakan langkah-langkah cukai yang diumumkan dalam Belanjawan Tahunan dan menambahbaik pematuhan perundangan percukaian. Antara undang-undang baharu yang diperkenalkan adalah seperti berikut:

(a) Seksyen 106A Akta Cukai Pendapatan 1967

Pindaan perundangan yang telah diperkenalkan semasa Belanjawan 2022 memberikan kuasa kepada LHDNM untuk mengarahkan mana-mana pihak, khususnya institusi kewangan untuk memberikan maklumat akaun bank pembayar cukai. Peruntukan ini membolehkan tindakan pelaksanaan penghakiman melalui kaedah garnisi dengan lebih berkesan.

(b) e-Invois

- (i) e-Invois dilaksanakan bagi meningkatkan kecekapan dan melancarkan operasi perniagaan pembayar cukai serta meningkatkan tahap pematuhan cukai. Manfaat e-Invois termasuklah:
 - a) Mengurangkan proses manual dan kesilapan;
 - b) Memudahkan pengemukaan borang nyata;
 - c) Meningkatkan kecekapan operasi; dan
 - d) Mendigitalkan pelaporan percukaian dan kewangan.
- (ii) Fasa pelaksanaan e-Invois mengikut nilai ambang jualan tahunan perniagaan seperti berikut:

Fasa	Jualan Tahunan	Tarikh Pelaksanaan
1	Melebihi RM100 juta	1 Ogos 2024
2	Melebihi RM25 juta sehingga RM100 juta	1 Januari 2025
3	Melebihi RM25 juta sehingga RM100 juta	1 Julai 2025
4	RM150,001 sehingga RM500,000 (jualan tahunan sehingga RM150,000 dikecualikan)	1 Januari 2026

- (iii) e-invois membolehkan setiap transaksi direkodkan secara digital dalam masa nyata (*real-time*) dan dihantar terus ke pangkalan data LHDNM. Ini memastikan bahawa maklumat berkaitan jualan, pendapatan dan kos perniagaan dapat dipantau secara telus. Dengan rekod yang automatik dan tidak boleh diubah (*immutable record*), aktiviti menyembunyian hasil atau pemalsuan invois dapat dikurangkan.
- (iv) Perniagaan yang terlibat dalam ekonomi bayangan akan lebih sukar untuk mengelak daripada dikesan apabila e-Invois dilaksanakan sepenuhnya. Ini membantu memperluas asas pencukai.
- (v) Maklumat yang direkodkan secara automatik melalui e-Invois memudahkan pegawai LHDNM menjalankan audit dan siasatan dengan lebih pantas dan berkesan kerana data yang tersedia adalah lengkap dan boleh diakses dengan mudah.

Pengenalan undang-undang baharu ini dijangka akan meningkatkan jaringan dan maklumat dapat diguna dalam membantu mengelakkan ketirisan cukai serta penipuan dalam pelaporan, pengisytiharan dan pembayaran cukai.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum inisiatif berterusan antara LHDNM dan Kementerian Kewangan bagi memperkemas undang-undang sedia ada dan memperkenalkan undang-undang baharu bagi membendung ketirisan dan penipuan dalam pembayaran cukai.

PAC menyarankan LHDNM supaya lebih proaktif menguatkuasakan undang-undang seperti yang dinyatakan.

3.4. Syor 4: LHDNM perlu melaporkan status pelaksanaan e-Invois agar kaedah ini dipermudahkan kepada pembayar-pembayar cukai dalam pada masa yang sama pungutan cukai dapat dipertingkatkan.

Maklum Balas LHDNM:

- 3.4.1. Kerajaan menggalakkan penglibatan aktif pembayar cukai dalam inisiatif e-Invois selaras dengan aspirasi negara ke arah pendigitalan perniagaan. Pelaksanaan e-Invois bertujuan membantu perniagaan dalam mewujudkan sistem perekodan jualan dan pembelian yang lebih sistematik serta penyimpanan dokumen yang teratur, sekali gus mempertingkatkan kecekapan operasi perniagaan.
- 3.4.2. Di samping itu, pelaksanaan e-Invois merupakan suatu pendekatan baharu untuk meningkatkan tahap pematuhan cukai, sekaligus memberi manfaat kepada Kerajaan, pentadbir cukai dan perniagaan iaitu daripada aspek meningkatkan kecekapan perniagaan, menangani ekonomi bayangan dan mengekang ketirisan hasil cukai negara.
- 3.4.3. Bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan dengan lancar dan berkesan, pada masa ini HASiL telah menyediakan tiga (3) mekanisme penghantaran e-Invois iaitu melalui Portal MyInvois, Aplikasi Mudah Alih MyInvois dan *Application Programming Interface* (API) bagi memudahkan pembayar cukai. Portal MyInvois boleh diakses secara percuma bagi tujuan penghantaran e-Invois kepada HASiL. Selain itu, aplikasi MyInvois turut dibangunkan bagi membolehkan pembayar cukai melaksanakan e-Invois dengan mudah melalui telefon pintar pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Sebagai alternatif, HASiL turut menyediakan kemudahan kepada perniagaan yang memilih untuk membangunkan sistem mereka sendiri dengan menggunakan API yang boleh diintegrasikan dengan sistem MyInvois.

- 3.4.4. Bagi membantu PMKS, sistem MyInvois e-POS telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri pada 10 Mac 2025 yang lepas. Sistem ini menawarkan pelbagai fungsi utama pengoperasian perniagaan, termasuk fungsi perekodan jualan, pengurusan inventori, pelaporan kewangan dan menyokong pelaksanaan e-Invois. Ia merupakan sebuah platform digital *Point-of-Sale* (POS) yang boleh diakses secara percuma oleh PMKS dengan pendapatan atau jualan tahunan kurang daripada RM250,000.
- 3.4.5. Projek rintis Sistem MyInvois e-POS yang dijadualkan bermula pada Mei 2025 akan melibatkan kira-kira 116 pembayar cukai yang telah menunjukkan minat serta mendaffar untuk menyertai inisiatif ini. Bagi memastikan pelaksanaan berjalan lancar, projek ini akan disokong oleh pegawai-pegawai dari Pejabat HASiL Negeri yang telah dilantik khas bagi memberikan sokongan secara *one-to-one* kepada setiap peserta.
- 3.4.6. Sebagai tambahan, bagi memastikan pelaksanaan e-Invois berjalan lancar mengikut garis masa yang ditetapkan, LHDNM telah melaksanakan usaha dan inisiatif seperti berikut:
- (a) Sesi libat urus bersama pemain industri dan badan profesional mengikut Zon iaitu Zon Tengah (di Kuala Lumpur), Zon Utara (di Pulau Pinang), Zon Selatan (di Johor Bahru), Zon Sabah (di Kota Kinabalu) dan Zon Sarawak (di Kuching) sejak Jun 2023;
 - (b) Sesi libat urus dan pembentangan kepada persatuan perdagangan dan persatuan industri merangkumi industri perbankan dan perkhidmatan kewangan, insurans, perkhidmatan profesional, penjagaan kesihatan, automotif, telekomunikasi, teknologi dan media, pengilangan, pembinaan, harta tanah, e-dagang, logistik, minyak dan gas, tenaga dan utiliti, hospitaliti, hiburan, peruncitan, syarikat rintis dan lain-lain sejak April 2023 sama ada secara fizikal dan dalam talian;
 - (c) Pengeluaran Garis Panduan Umum e-Invois untuk menerangkan tentang pelaksanaan dan mekanisme e-Invois (versi pertama pada 9 Julai 2023 dan versi terkini pada 18 Mac 2025);

- (d) Pengeluaran Garis Panduan Spesifik e-Invois untuk menerangkan secara terperinci pelaksanaan e-Invois bagi transaksi atau aktiviti tertentu (versi pertama pada 28 Oktober 2023 dan versi terkini pada 21 Februari 2025);
- (e) Pengeluaran *Software Development Kit* (SDK) pada 9 Februari 2024 sebagai rujukan teknikal untuk tujuan integrasi *Application Programming Interface* (API) antara system pembayar cukai dengan Sistem MyInvois LHDNM;
- (f) Pengeluaran kompilasi soalan lazim umum dan spesifik mengikut industri seperti penjagaan kesihatan, pembinaan, telekomunikasi, e-dagang dan operasi petroleum;
- (g) Penyediaan laman mikro khusus untuk e-Invois sebagai *one stop center* sumber maklumat berkaitan pelaksanaan e-Invois di Portal Rasmi LHDNM;
- (h) Program kerjasama bagi tujuan hebahan, pendidikan dan kesedaran e-Invois bersama agensi lain seperti SME Corporation, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan beberapa lagi agensi;
- (i) Komunikasi dan publisiti melalui media massa dan media sosial rasmi LHDNM; dan
- (j) Program Jelajah Mega e-Invois yang telah dirasmikan oleh YB Timbalan Menteri Kewangan pada 29 April 2025. Seramai 1,000 pegawai daripada 38 pejabat HASiL seluruh negara terlibat secara serentak untuk menjalankan lebih 4,000 lawatan premis untuk mendekati lebih ramai pembayar cukai serta mempergiat promosi dan mendidik pembayar cukai ke arah pelaksanaan e-Invois. Program Jelajah Mega e-Invois ini disasarkan kepada pembayar cukai bagi Fasa 3 dan 4, serta merangkumi tiga aktiviti utama seperti berikut:
 - i. Aktiviti turun padang ke premis pembayar cukai bagi meningkatkan kesedaran berkenaan pelaksanaan e-Invois;
 - ii. Penganjuran taklimat e-Invois dan aktiviti pendidikan cukai yang diadakan secara berterusan bagi memperkukuh kefahaman dan pendidikan e-invois; dan

- iii. Penyediaan kaunter perkhidmatan khas e-Invois bagi memastikan sokongan berterusan dapat diberikan kepada pembayar cukai yang memerlukan.

3.4.7. Sebanyak 283 juta e-invois berjaya dihantar dan divalidasi oleh HASiL sejak pelancarannya pada 1 Ogos 2024 sehingga 14 Mei 2025. Penghantaran ini melibatkan lebih kurang seramai 29,000 pembayar cukai dari Fasa 1 hingga Fasa 3.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum tindakan oleh LHDNM berhubung pelaksanaan e-Invois. Namun PAC menekankan kepentingan mengurangkan bebanan kepada rakyat terutamanya peniaga kecil yang menyumbang kepada ekonomi negara. PAC berpendapat bahawa pelaksanaan e-invois bagi pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM500,000 (Fasa 4) adalah terlalu rendah dan membebankan perniagaan kecil (mikro).

PAC menegaskan bahawa penetapan jumlah pendapatan harus mengambil kira masalah rakyat di lapangan dan tidak membebankan rakyat dan mencadangkan supaya jumlah pendapatan Fasa 4 dinaikkan atau mengecualikan sepenuhnya golongan mikro.

*PAC mengalu-alukan inisiatif Kerajaan seperti yang diumumkan pada 5 Jun 2025 yang mengambil kira komitmen pembayar cukai terutamanya peniaga dari kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dalam mematuhi keperluan perundangan e-Invois yang memerlukan tempoh persediaan secukupnya dan kekangan lain dalam pelaksanaan e-Invois seperti berikut:

- a) Pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan di bawah RM500,000 adalah diberi pengecualian dari pelaksanaan e-Invois buat masa ini;
- b) Fasa pelaksanaan e-Invois bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan melebihi RM1 juta sehingga RM5 juta ditangguhkan kepada 1 Januari 2026; dan

- c) Fasa pelaksanaan e-Invois bagi pembayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM1 juta ditangguhkan kepada 1 Julai 2026.

Kenyataan media penuh oleh pihak LHDNM boleh dilayari di alamat berikut:
<https://www.hasil.gov.my/media/g5jdmjmq/20250605-kenyataan-media-hasil-penjadualan-semula-pelaksanaan-e-invois-bagi-perniagaan-bawah-rm5juta.pdf>

Dalam hubungan ini, PAC menyarankan pihak LHDNM memberikan sokongan dan panduan yang menyeluruh kepada semua pembayar cukai sepanjang tempoh persediaan pelaksanaan e-Invois.

3.5. Syor 5: LHDNM perlu meningkatkan program mengenai kepatuhan undang-undang cukai kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya syarikat dan individu yang menjana pendapatan daripada ekonomi digital.

Maklum Balas LHDNM:

3.5.1. Pelaksanaan Program Pendidikan dan Kesedaran

LHDNM telah melaksanakan pelbagai program pendidikan secara berterusan sepanjang tahun. Inisiatif ini merangkumi kempen kesedaran dan pendidikan cukai, khususnya berkaitan cukai pendapatan serta perkembangan ekonomi digital. Antara aktiviti dan program yang telah dan akan dilaksanakan adalah seperti yang berikut:

(a) Penyediaan Panduan Cukai untuk Ekonomi Digital

- i. LHDNM telah menyediakan panduan dan rujukan untuk membantu individu dan syarikat yang menjalankan perniagaan dalam sektor ekonomi digital memahami kewajipan cukai mereka. Panduan ini merangkumi maklumat tentang cara mengira cukai, jenis cukai yang perlu dibayar, dan cara-cara untuk mengemukakan penyata cukai melalui sistem yang disediakan oleh LHDNM. Antara rujukan ekonomi digital yang boleh

dijadikan panduan adalah Garis Panduan Layanan Cukai ke Atas Transaksi Mata Wang Digital yang dikeluarkan pada 26 Ogos 2022.

- ii. Maklumat dan risalah percukaian umum juga disediakan secara digital melalui Sepintas e-Buku HASiL/ HASiL *e-Book at a Glance* (e-book) yang boleh dimuat turun dari portal MyTax.

(b) Pendidikan dan Kesedaran melalui Program Jelajah dan Seminar

LHDNM menganjurkan program jelajah taklimat cukai dan seminar berskala besar untuk mendidik rakyat Malaysia, terutamanya mereka yang terlibat dalam ekonomi digital mengenai kewajipan cukai mereka. Program-program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran mengenai tanggungjawab cukai serta memberikan pengetahuan lebih mendalam tentang cara mematuhi undang-undang cukai. Sebagai contoh, topik Transaksi Matawang Digital: Perspektif Percukaian di Malaysia telah menjadi salah satu topik pembentangan di Seminar Percukaian Kebangsaan 2024.

(c) Kempen Kesedaran melalui Media Sosial

Untuk menangani cabaran ekonomi digital yang semakin berkembang, LHDNM menggunakan media sosial rasmi sebagai platform untuk menyebarkan maklumat dan kesedaran mengenai cukai. LHDNM memanfaatkan platform seperti Facebook, Youtube, Instagram, X dan Tiktok untuk menyebarkan infografik, video pendek, dan artikel yang mudah difahami mengenai cukai dan pematuhan cukai bagi peniaga dan individu yang terlibat dalam ekonomi digital. Kandungan bahan kesedaran dan pendidikan cukai yang terkini boleh dimuat turun melalui Portal Rasmi LHDNM.

(d) Latihan dan Kursus untuk Pembayar Cukai

LHDNM menyediakan latihan secara bersemuka dan secara atas talian untuk memahami lebih lanjut mengenai aspek teknikal dan undang-undang cukai seperti pengiraan, pelaporan dan pembayaran cukai melalui program *Business Entrepreneur Support and Training* (BEST) yang mengkhususkan kepada usahawan termasuk usahawan yang terlibat dalam ekonomi digital. Latihan ini juga memberi tumpuan kepada pematuhan cukai yang berkaitan dengan e-dagang,

transaksi dalam talian, serta pendapatan daripada platform seperti platform penjualan dan perkhidmatan.

(e) Kerjasama dengan Platform E-Dagang

LHDNM bekerjasama dengan beberapa platform e-dagang besar seperti Shopee untuk memastikan peniaga dalam talian mematuhi kewajipan cukai mereka. Melalui kerjasama ini, platform-platform tersebut sering menyampaikan mesej pendidikan kepada peniaga mengenai cukai termasuk keperluan melaksanakan e-Invois di kalangan para peniaga.

(f) Promosi dan Pengiklanan

Bagi tahun 2025, LHDNM merancang untuk meneruskan kempen kesedaran dan pendidikan cukai berkaitan cukai pendapatan serta perkembangan ekonomi digital menerusi platform publisiti dan pengiklanan sedia ada seperti yang berikut:

- i. Slot temu bual di TV dan radio;
- ii. Penerbitan artikel di akhbar/ majalah sama ada secara bercetak atau digital;
- iii. Produksi video kesedaran cukai untuk siaran TV, platform digital, platform agensi luar dan lain-lain; dan
- iv. Kerjasama Rakan Strategik HASiL (RASH) menerusi hantaran di platform media sosial.

Pada tahun 2024, beberapa aktiviti publisiti telah dijalankan oleh LHDNM seperti yang berikut:

Bil.	Tarikh	Platform	Tajuk
1	31.01.2024	Artikel Dewan Ekonomi	Cukai Terhadap Individu Berpendapatan Perniagaan
2	22.02.2024	Artikel The Star	<i>Curbing Tax Evaders And Shadow Economy With e-Invoice</i>
3	24.03.024	Artikel Mingguan Malaysia	Seksyen Khas Pantau Instafamous, Aktiviti Dalam
4	Mei 2024	Artikel Dewan Ekonomi	Cukai Terhadap Individu Pendapatan Perniagaan

5	27.05.2024	Artikel The Star	<i>More influencers declaring taxes</i>
6	11.09.2024	Temu Bual Bernama Radio	Syarat Vendor Dapatkan Kontrak Kerajaan: Miliki Sijil Pematuhan Cukai
7	01.10.2024	Temu Bual Bernama Radio	Ketahui Perundangan Cukai di Malaysia
8	08.10.2024	Temu Bual Bernama Radio	Influencer: Pengaruh Hebat Cukai
9	15.10. 2024	Temu Bual Bernama Radio	Tax Corporate Governance: Kepentingannya Kepada Syarikat
10	Dis 2024	Artikel Dewan Ekonomi	Bagaimanakah Ekonomi Bayangan Mengancam Kemakmuran Negara

(g) Aktiviti e-mel *Blast*

- i. Penyampaian maklumat berbentuk *Awareness, Education and Services* (AES) telah dirancang dan dikeluarkan kepada pembayar cukai dan bakal pembayar cukai menerusi kempen e-mel *blast* bagi tujuan meningkatkan kepatuhan undang-undang cukai kepada seluruh rakyat Malaysia. Aktiviti ini telah dirancang dan akan dilaksanakan pada setiap tahun dengan menyasarkan kepada sasaran data baharu dan sedia ada di LHDNM;
- ii. Sehingga 31 Disember 2024, sebanyak 30,007,470 e-mel telah dikeluarkan kepada pembayar cukai berdasarkan emel berdaftar dengan LHDNM melalui kempen AES mengikut aktiviti e-mel.
- iii. Pecahan e-mel bagi e-mel *blast* Tahun 2024 mengikut kategori AES adalah seperti yang berikut:

Kategori	Jumlah e-mel <i>blast</i> dikeluarkan
Kesedaran Cukai	8,138,206
Pendidikan Cukai	13,412,044
Perkhidmatan Cukai	8,457,220
Jumlah	30,007,470

- iv. Pada tahun 2025, LHDNM telah menyemak dan melaksanakan segmentasi semula strategi e-mel *blast* bertujuan untuk menyesuaikan maklumat mengikut sasaran kumpulan penerima e-mel *blast* mengikut kategori baharu seperti yang berikut:
 - a. Motivasi/ Kesedaran;
 - b. Promosi/ Hebahan; dan
 - c. Teknikal/ Percukaian.
- v. Sehingga 30 April 2025, sebanyak 13,104,126 e-mel telah dikeluarkan kepada pembayar cukai.
- vi. LHDNM merancang untuk mempergiatkan aktiviti e-mel *blast* kepada seluruh rakyat Malaysia dan memberikan fokus kepada syarikat serta individu yang menjana pendapatan daripada ekonomi digital pada tahun 2025 mengikut fasa seperti yang berikut:

Fasa	Tempoh	Maklumat e-mel <i>blast</i>
Pertama	Jan – April 2025	Maklumat asas percukaian seperti: • Tanggungjawab menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan (BNCP); dan • Ambang pendapatan dikenakan cukai.
Kedua	Mei – Ogos 2025	Maklumat berhubung pengemukaan BNCP seperti:

		• Tarikh akhir pengemukaan BNCP; dan • Saluran bayaran cukai.
Ketiga	September - Disember 2025	Maklumat percukaian khusus untuk pengenaan cukai atas pendapatan daripada ekonomi digital: • Jenis pendapatan digital yang dikenakan cukai; dan • Jenis pelepasan atau tolakan yang dibenarkan untuk pendapatan ekonomi digital.

- v. Selain itu, pelaksanaan aktiviti e-mel *blast* ini akan terus dijalankan kepada seluruh rakyat Malaysia khususnya syarikat dan individu mengikut data LHDNM pada setiap tahun. Antara maklumat dan informasi yang akan dikeluarkan pada tahun 2025 adalah seperti yang berikut:
- Tanggungjawab dan hak pembayar cukai;
 - Ambang pendapatan dikenakan cukai;
 - Pengemukaan Borang Nyata Tahun 2024;
 - Pelepasan individu Tahun Taksiran 2024;
 - Sistem Taksir Sendiri Setem;
 - Tanggungjawab Majikan;
 - MyInvois;
 - Sekatan perjalanan; dan
 - Peranan pengarah MyTax 2025.

3.5.2. Pelaksanaan Operasi Pematuhan Cukai (OPC) 2025

Operasi ini memberi tumpuan kepada isu perancangan cukai agresif, transaksi rentas sempadan, ekonomi bayangan (melibatkan kes ketidakpatuhan), serta industri berisiko yang telah dikenal pasti bagi tahun 2025.

Pelaksanaan OPC 2025 adalah kesinambungan daripada kejayaan OPC 2024, yang mencatatkan 2,426 penyelesaian kes dengan jumlah taksiran sebanyak RM218,831,221, jauh melebihi sasaran awal iaitu RM50 juta.

Sehingga April 2025, sebanyak 5 operasi pematuhan (OP) telah dijalankan, termasuk satu operasi berskala nasional yang dikenali sebagai OP Dagang. Operasi ini memberi tumpuan kepada audit syarikat dalam sektor pembinaan, pembuatan, hartanah, pengangkutan dan penyimpanan, serta pertanian. Pemilihan sektor-sektor ini dibuat berdasarkan analisis prestasi Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sehingga suku ketiga tahun 2024. Selain audit, OP Dagang turut merangkumi aktiviti pematuhan strategik, verifikasi pembayar cukai, dan pemungutan hasil cukai.

Sepanjang tahun ini, lima (5) lagi operasi pematuhan cukai akan dilaksanakan bagi meningkatkan kesedaran serta kepatuhan cukai dalam kalangan rakyat Malaysia.

3.5.3. **Aktiviti *Behavioural Insights* Melalui Pendekatan *Nudging***

Selain itu, bagi memperkukuh kepatuhan cukai pada tahun 2025, Sektor Pematuhan Cukai (SPC), LHDNM turut menerapkan pendekatan "Behavioural Insights", yang menggabungkan elemen teknologi dan psikologi dalam strategi pematuhan. Melalui Seksyen Ekonomi Digital & *Behavioural Insights* (SEDBI), SPC menerapkan intervensi melalui kaedah "nudge" bagi mempengaruhi perilaku pembayar cukai.

Mereka yang dikenal pasti melalui kaedah segmentasi berdasarkan perilaku mereka terhadap pematuhan cukai akan menerima peringatan dalam bentuk e-mel, Sistem Pesanan Ringkas (SMS), serta surat rasmi daripada LHDNM. Peringatan ini bertujuan menggalakkan mereka mengemukakan Borang Nyata (BN) serta melaporkan pendapatan dengan betul.

Pendekatan ini bermula dengan pendidikan cukai dan diakhiri dengan peringatan agar pembayar cukai mematuhi peraturan, sekali gus mengelakkan tindakan penguatkuasaan yang lebih ketat diambil ke atas mereka.

Ulasan PAC:

PAC mengambil maklum strategi LHDNM bagi meningkatkan program mengenai kepatuhan undang-undang cukai kepada seluruh rakyat Malaysia. PAC turut mengambil maklum hala tuju perkhidmatan LHDNM akan lebih berfokus kepada perkhidmatan dalam talian.

Berhubung perkara ini, PAC menyuarakan kebimbangan mengenai penutupan kaunter bantuan LHDNM untuk e-filing pada masa hadapan kerana masih terdapat individu yang kurang mahir dalam urusan digital. PAC berpendapat penyediaan panduan secara fizikal di kaunter adalah penting bagi memastikan semua lapisan masyarakat mendapat bantuan yang sewajarnya.

4. PENUTUP

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil Pegawai Pengawal ke atas syor-syor PAC Parlimen dalam Penyata PAC Parlimen DR. 6/ 2025 selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2023).

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN

**LAPORAN PROSIDING (HANSARD)
TINDAKAN SUSULAN
KEMENTERIAN PADA
RABU, 21 MEI 2025**





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 21 Mei 2025

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding:

**Prosiding Tindakan Susulan Pengurusan Akaun Belum Terima
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)
di bawah Kementerian Kewangan (MOF) dan
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)**

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz

Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Encik Shaharrudy bin Othman

Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Operasi Percukaian)

**PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS**

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA

RABU, 21 MEI 2025

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]

Tidak Hadir (Dengan Maaf)

YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - *Pengerusi*
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]
YB. Dato' Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]

URUS SETIA

Encik Mohd Sukri bin Busro [Ketua Sekretariat (Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Muhammad Zydil Iman bin Zulkefli [Juruaudit Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]
Puan Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]

(samb/-)

EX OFFICIO (samb/-)**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Encik Amiruddin bin Abdul Karim [Penolong Pengarah (Bahagian Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)

Encik Nurul Allbiir bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Huzairi bin Zainal Abidin [Ketua Seksyen Parlimen dan Kawalan Pemantauan [KS(PKP)] Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat (BKSK)]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Puan Norsyahida binti Alias [Penolong Pesuruhjaya (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

Puan Yasmin Azura binti Yahaya [Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Encik Azizol bin Ahmad [Penasihat Percukaian (Bahagian Audit Kewangan I)]

Encik Adam Zulkarnain bin Azmi [Penolong Pengarah Audit (Bahagian Audit Kewangan I)]

Kementerian Ekonomi (KE)

Dr. Nik Rozelin Nik Ramzi Shah [Timbalan Pengarah I (Bahagian Industri Perkhidmatan Awam)]

Jabatan Akauntan Negara (JANM)

Encik Hafizal bin Ahmad [Timbalan Pengarah (BPOPA)]

HADIR BERSAMA**Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)**

YBhg. Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar)]

Puan Reny Zulfa Zulkifli [Penolong Setiausaha (Bahagian Pengurusan Aset Awam)]

Encik John Patrick Antony Samy [Setiausaha Bahagian Cukai (Cukai)]

Encik Ezleezan bin Othman [Ketua Seksyen Cukai Langsung Bahagian Cukai (Cukai)]

Cik Roslina Hamdan [Penolong Setiausaha (Cukai)]

Encik Saiful Aznee bin Ab Ghafar [Ketua Penolong Setiausaha (Cukai)]

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)

Encik Shaharrudy Othman [Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) (Timbalan Ketua Pengarah Eksekutif (Operasi Percukaian) LHDNM)]

Encik Marside Zelika [Ketua Pegawai Operasi Cukai (Operasi Cukai)]

YBhg. Datin Wan Razanawani binti Wan Zakaria [Pengarah (Jabatan Integriti dan Pengurusan Risiko)]

Encik Mohamad Fauzi bin Saat [Ketua Pegawai Pematuhan Cukai (Sektor Pematuhan Cukai LHDNM)]

Puan Zaleha Adam [Pengarah Jabatan Undang-Undang (Undang-undang)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KELIMA BELAS, PENGGAL KETIGA

**BILIK JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 21 MEI 2025

Mesyuarat dimulakan pada pukul 11.03 pagi

*[Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat datang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen Kelima Belas, ahli-ahli ex officio PAC terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Kewangan, Jabatan Audit Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Kementerian Ekonomi, Jabatan Akauntan Negara dan Penasihat Undang-undang Parlimen selaku wakil Jabatan Peguam Negara. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat hari ini. Sebelum itu, saya ingin menyampaikan salam dan permohonan maaf daripada Pengerusi PAC yang tidak dapat hadir mempengerusikan mesyuarat kerana menghadiri *Asia-Pacific PAC Regional Workshop* di Nadi, Fiji mulai 19 hingga 21 Mei.

Yang Berhormat ahli-ahli mesyuarat sekalian, prosiding tindakan susulan pada hari ini adalah untuk mendapatkan penjelasan daripada Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia terhadap syor-syor dalam laporan PAC berhubung pengurusan Akaun Belum Terima LHDNM di bawah Kementerian Kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (D.R.6/2025) yang telah dibentangkan di Parlimen pada 27 Februari 2025. Dalam laporan tersebut, PAC telah memberikan sembilan rumusan hasil daripada tiga prosiding yang diadakan bermula 5 November 2024 sehingga 4 Februari 2025.

Berdasarkan rumusan-rumusan berkenaan, PAC Parlimen telah mengesyorkan lima perkara untuk dilaksanakan MoF dan LLM sebagai langkah penambahbaikan...*[Dicelah]* LHDN. Salah ya sini. *[Ketawa]* LHDN, sebagai langkah penambahbaikan. Isu berkaitan pengurusan Akaun Belum Terima LHDNM ini dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 3/2024 Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2023. PAC memanggil prosiding untuk isu ini berdasarkan punca kuasa Peraturan Mesyuarat 77(1)(c) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b) 2023, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (KSP) hendaklah melaporkan semula kepada PAC perkara-perkara yang telah dirujuk jawatankuasa ini terhadap pegawai pengawal seperti yang dinyatakan dalam Penyata jawatankuasa ini. Justeru, hadir di hadapan PAC pada hari ini ialah Yang Berbahagia Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Dasar) yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Johan Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan. Yang kedua ialah Yang Berusaha Encik Shaharrudy bin Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang mewakili Yang Berbahagia Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif LHDNM dan yang ketiga Yang Berusaha Encik Marside Zelika, Ketua Pegawai Operasi Cukai, LHDNM. Terima kasih kerana hadir pada hari ini.

Jadi, tanpa membuang masa, saya ingin menjemput Yang Berbahagia Dato' Zamzuri untuk memulakan pembentangan. Silakan.

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)]:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera. Terima kasih Yang Berhormat Puan Teresa Kok, Naib Pengerusi PAC Parlimen; Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen, Yang Berusaha Encik Shaharrudy bin Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian), Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) yang akan bersama saya hari ini untuk membentangkan tindakan susulan daripada syor-syor laporan PAC berhubung dengan pengurusan Akaun Belum Terima (ABT) Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia pada hari ini.

Seperti yang dimaklumkan oleh Pengerusi tadi bahawa pengurusan Akaun Belum Terima Lembaga Hasil Dalam Negeri merupakan di bawah seliaan MoF dan Lembaga Hasil merupakan salah satu isu yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Bil. 3 tahun 2024 di bawah Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan tahun 2023. Seperti yang dimaklumkan tadi, PAC Parlimen telah memutuskan untuk membawa isu ini dalam tiga prosiding yang telah diadakan antara 5 November hingga 4 Februari tahun ini. Laporan PAC berhubung isu ini telah dibentangkan dalam Dewan Rakyat pada 27 Februari 2025 yang mana terdapat lima syor PAC yang memerlukan tindakan susulan diambil oleh pegawai pengawal selaras dengan Arahan Perbendaharaan 304(b).

Pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri melalui Kementerian Kewangan telah mengemukakan laporan tindakan susulan interim bagi isu ini kepada PAC Parlimen pada 23 Mac 2025 dan laporan tindakan susulan muktamad pada 16 Mei 2025. Jadi, hari ini Kementerian Kewangan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri akan

membentangkan kepada PAC Parlimen akan status tindakan susulan yang telah dilaksanakan ke atas syor-syor PAC berhubung dengan perkara ini.

■1110

Secara ringkasnya berdasarkan laporan yang telah dikemukakan kepada PAC, pihak Kementerian Kewangan berpandangan bahawa Lembaga Hasil Dalam Negeri telah melaksanakan tindakan-tindakan wajar terhadap syor-syor PAC berhubung dengan perkara ini.

Jadi Yang Berhormat Pengerusi, izinkan saya menjemput Yang Berusaha Tuan Shaharrudy bin Othman, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi Percukaian) Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk membuat pembentangan selanjutnya. Silakan.

Encik Shaharrudy Othman [Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN)]: Terima kasih Yang Berbahagia Dato' Zamzuri. *Bismillahi Rahmani Rahim*, Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atau PAC. Yang Berhormat Ahli-ahli PAC Parlimen, para pegawai ex-officio Kementerian dan sekretariat PAC Parlimen, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Saya hadir mewakili Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia yang tidak dapat hadir kerana tugas rasmi dan saya akan bentangkan maklum balas dan tindakan susulan dari pihak LHDN berkaitan kepada syor-syor yang telah diutarakan oleh PAC.

Jadi slaid ini ada senarai syor-syor— lima syor PAC yang telah dikemukakan. Secara ringkasnya berkenaan dengan syor satu, ABT. Syor dua, proses taksiran cukai dan kes rayuan. Syor tiga tentang undang-undang dan membendung ketirisan penipuan cukai. Syor keempat berkaitan dengan e-invois dan syor kelima mengenai program pematuhan undang-undang cukai.

Jadi kami ucapkan terima kasih kepada PAC di atas syor-syor yang diberikan dan dengan izin Pengerusi izinkan saya untuk bentangkan dengan lebih terperinci satu persatu syor-syor yang dikemukakan dalam slaid yang berikutnya.

Jadi slaid ini berkaitan dengan syor PAC supaya LHDN meneruskan tindakan pematuhan dan penguatkuasaan dalam memungut cukai supaya tidak menjadi ABT. Seperti yang telah dibentangkan di dalam prosiding 14A dan B November lepas. Ini adalah punca-punca utama ABT yang timbul disebabkan oleh kesukaran untuk mengesan pembayar cukai. Jadi faktor satu dan faktor dua itu berkaitan.

Jadi LHDN telah mengambil tindakan susulan yang berterusan untuk membuatkan, meningkatkan libat urus dan kerjasama dengan agensi kerajaan dan syarikat-syarikat swasta untuk memperolehi maklumat-maklumat yang terkini

daripada pembayar cukai. Contohnya, dengan Jabatan Pendaftaran Negara dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Jadi faktor dua juga berkaitan iaitu berkaitan tentang taksiran anggaran. Antara punca-punca cukai tidak dapat dikutip adalah tanggungjawab LHDN untuk membangkitkan taksiran anggaran apabila pembayar cukai tidak mengemukakan borang nyata cukai pendapatan. Jadi apabila kami menerima maklumat terkini tentang alamat ataupun maklumat terkini pembayar cukai, ia akan memudahkan untuk proses pengutipan atau pemungutan hasil-hasil yang tertunggak.

Faktor tiga pula adalah tentang cukai di bawah ambang pelaksanaan guaman sivil. Untuk makluman Ahli PAC, tidak semua kes adalah ekonomik untuk diambil tindakan mahkamah. Jadi kami ada ambang iaitu untuk kes individu RM7,000 dan untuk kes syarikat RM10,000 sebelum tindakan mahkamah boleh diambil.

Jadi untuk kes-kes di bawah ambang ini kami teruskan tindakan pungutan dengan mengadakan operasi secara berkala untuk mengesan dan bersemuka dengan pembayar cukai untuk memungut cukai yang tertunggak.

Slaid seterusnya adalah tindakan penambahbaikan dalaman dari segi operasi dan pentadbiran cukai di pihak LHDNM. Jadi item satu saya jelaskan tentang pengenalan produk baharu LHDN iaitu kemudahan e-Ansuran di mana pembayar cukai dibenarkan permohonan ansuran secara atas talian dan permohonan diberikan kelulusan secara automatik tanpa perlu kelulusan pegawai LHDN. Itu salah satu produk baharu yang diperkenalkan pada Mac yang lepas.

Kedua, LHDN juga telah mempercepatkan proses memungut cukai-cukai yang tertunggak dengan mengautomasikan pengeluaran surat makluman tunggakan cukai. Jadi tak perlu pegawai LHDN untuk menyediakan surat tersebut. Sistem dalaman akan terus mengeluarkan secara automatik.

Kedua adalah tindakan sekatan perjalanan. Seperti semua sedia maklum jika pembayar cukai mempunyai hutang yang tertunggak dengan LHDN, LHDN mempunyai kuasa untuk mengenakan sekatan perjalanan. Jadi kami pun telah mengambil tindakan untuk mempercepatkan prosedur dalaman supaya tindakan sekatan perjalanan ini boleh diambil dengan lebih cepat.

Ketiga, seperti yang dibentangkan dalam prosiding 14A November lepas, sebelum ini sistem dalaman LHDN yang digunakan untuk mengurus hasil adalah apa yang dipanggil sistem ReMS ataupun *Revenue Management System*.

Tetapi mulai tahun ini, LHDN telah memperbaiki sistem tersebut dan telah memperkenalkan sistem baharu yang dipanggil sistem HITS pengurusan hasil. Jadi sistem HITS ini lebih *up-to-date* di mana di dalam sistem yang baharu ini kita ada

segmentasi ABT untuk mengkategorikan tindakan-tindakan yang wajar di ambil untuk kes-kes berpotensi.

Status tindakan dan penyelesaian kes juga adalah secara *real-time* dan di dalam sistem tersebut juga mempunyai notifikasi tindakan secara automatik. Jadi pegawai akan dimaklumkan oleh sistem tentang tindakan yang perlu diambil apabila tiba masanya.

Satu lagi penambahbaikan adalah integrasi sistem maklumat dalaman dengan sistem-sistem yang lain di dalam LHDN. Jadi ini membantu pemantauan kes yang lebih berkesan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Boleh saya tanya? Tentang sekatan perjalanan bagi mereka yang gagal bayar cukai. Adakah LHDN memberitahu mereka sebelum itu kerana kita dah baca beberapa laporan mereka yang tak bersalah pergi ke *airport* lepas itu dilarang naik kapal terbang dikatakan dia ada hutang dengan LHDN. Tapi sebenarnya ini satu kesilapan, kita dah pernah bacalah.

So, pandangan saya ialah ini boleh dilakukan tapi sekarang kita lihat kita punya *banking system* kalau saya *bank in* satu cek, saya pun akan terima notifikasi daripada bank melalui e-mel dan juga SMS.

So, *I think* LHDN boleh juga buat begitu kalau mendapati sesiapa tak bayar dan nak ambil tindakan sekatan perjalanan haruslah melalui SMS beritahu mereka terlebih dahulu.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih Yang Berhormat Puan Pengerusi, apabila setiap kali LHDN mengambil tindakan mengenakan sekatan perjalanan kami akan keluarkan surat pemakluman, itu satu. Dan kami masukkan juga surat pemakluman tersebut dalam aplikasi MyTax iaitu di dalam *mailbox* pembayar cukai dan kami juga sentiasa mengeluarkan peringatan berkala untuk menyemak status sebelum memulakan perjalanan.

So, itu adalah tindakan-tindakan yang kami ambil YB untuk mengelakkan daripada pembayar cukai terkesan di saat-saat terakhir apabila ingin memulakan perjalanan.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya terima e-mel daripada LDHN tentang hari jadi saya. Kalau ini boleh dilakukan, saya rasa haruslah beritahu sekurang-kurangnya e-mel ataupun macam bank sekarang. *Bank in* RM5 pun mereka akan ada keluar notifikasi ada orang *bank in* RM5.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih YB atas cadangan tersebut.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *How come* dia orang tak dapat?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* I bayar pun kurang.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: I dapat.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* One time, one time.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: You dapat kan? *[Ketawa]*. But, *this is a good practice* lebih mesra dengan pembayar cukai. Ya, Halimah?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Sikit sahaja *before you* sambung, kan? Tadi RM7,000 *for* individu untuk itu. RM7,000 itu maknanya *is it* yang *taxable income* kah? Yang memang atau termasuk hutang.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: RM7,000 ada jumlah hutang yang masih tertunggak YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Jumlah hutang, okey.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi]: Juga e-Ansuran ini, *I think it's a very good idea*. Tapi ini e-Ansuran apa-apa amaun pun bolehkan? Kalau dia hutang RM1 juta dia kata nak bayar setiap bulan RM10 juga akan diluluskan?

■1120

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: YB, ambang maksimum tiada tapi yang kelulusan secara automatik ini hanya dibenarkan terhad kepada enam ansuran sahaja yang automatik. Jika perlu lebih terpaksa berurusan dengan LHDN juga, terpaksa bersemuka. Yang dibenarkan melalui sistem setakat enam ansuran maksimum. Terima kasih YB. Saya teruskan dengan slaid seterusnya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Shah Alam, Shah Alam mahu tanya.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Boleh jelaskan tentang ReMS dan HITS bezanya dan apa penambahbaikan. Apa maksud? Terima kasih.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih YB. ReMS ini adalah sistem yang telah lama kami gunakan. Jadi pada masa kami membangunkan sistem tersebut menggunakan teknologi yang lama dan yang penting dalam pengurusan hasil ini adalah tentang data lah. Jadi sistem yang baharu ini HITS pengurusan hasil ini datanya lebih terkini dan lebih *real time*. Itu satu penambahbaikan yang ketara lah dalam pengenalan sistem ini.

Dalam sistem HITS ini kita perkenalkan seperti yang tertera di slaid tersebut, segmentasi ABT. Kami kategorikan kes-kes tunggakan ini kepada empat kategori mengikut kebolehkutipan dan setiap kategori itu ada cadangan tindakan untuk diambil kepada pegawai. Jadi pegawai akan tengok untuk setiap kes itu ada kategori tertentu dan mereka akan ambil tindakan seperti yang dicadangkan oleh sistem.

Kedua adalah tentang data yang lebih *real time* lah YB. Itu satu ciri yang penting lah. Jadi selalunya kita gagal mengesan pembayar cukai kerana ada *lagging* ataupun masa yang lama antara wujudnya hutang itu dengan tindakan yang diambil. Jadi sistem ini lebih *real time*, jadi informasinya lebih cepat diterima untuk tindakan pegawai.

Ketiga juga satu ciri yang penting YB, notifikasi tindakan auto. Sistem ini akan memberi *trigger* ataupun notifikasi kepada pegawai apabila tiba masa untuk contohnya keluarkan surat ataupun telefon pembayar cukai. Jadi pemantauan tindakan itu lebih sistematik. Itu YB.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: ReMS itu *Revenue Management...*

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: *Revenue Management System.*

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: HITS apa?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: HITS itu adalah *HASiL Integrated Tax System*. Ini adalah sistem utama untuk LHDN. Dia ada modul-modul termasuk taksiran dan sebagainya. Ini adalah modul berkaitan dengan pemungutan. Ya, YB saya teruskan dengan slaid seterusnya. Terima kasih.

Ini adalah tentang syor PAC yang kedua berkenaan dengan proses mentaksir cukai. Jadi item satu adalah tentang pelaksanaan penubuhan apa yang kita panggil PSKA ataupun Panel Semakan Kerja Audit. Jadi mulai tahun ini setiap Pegawai Audit diwajibkan untuk mengadakan PSKA bersama sekurang-kurangnya dua penyelia beliau untuk merancang kes-kes audit dan sebelum mengeluarkan penemuan audit kepada pembayar cukai.

Kedua adalah penetapan baharu berkenaan dengan penyelesaian kes audit dengan persetujuan. Jadi untuk makluman YB PAC, kes audit boleh diselesaikan dengan persetujuan ataupun tanpa persetujuan. Jadi satu ciri penyelesaian dengan persetujuan adalah di mana kita boleh berikan ansuran bayaran kepada pembayar cukai. Jadi untuk menggalakkan penyelesaian dengan persetujuan yang lebih banyak kita telah tetapkan mulai tahun ini supaya semua Pegawai Audit menyelesaikan seminimanya 60 peratus dari kes mereka dengan persetujuan pembayar cukai.

Jadi sebelum ini tiada penetapan kadar berapa banyak kes yang diselesaikan dengan ataupun tanpa. Tetapi mulai tahun ini kita tetapkan sekurang-kurangnya 60

peratus kes. Bila pembayar cukai bersetuju dengan taksiran tersebut, jadi kita akan kurangkan risiko ABT dan kita kurangkan risiko rayuan cukai selepas taksiran dibangkitkan.

Jadi yang ketiga, adalah isu berkenaan *limit of authority* yang telah pun dibangkitkan semasa prosiding 14(A) dan 14(B) November lepas. Jadi Arahan Operasi Bil. 5 Tahun 2025 ini adalah penambahbaikan daripada syor PAC yang mana kami telah laksanakan tahun ini dan pembentangan secara terperinci tentang kandungan arahan operasi ini pun telah dibuat semasa prosiding 14(C) pada 4 Februari 2025 tempoh hari.

YB saya teruskan dengan syor PAC yang ketiga iaitu tentang keperluan untuk mengetatkan undang-undang supaya tidak berlaku ketirisan dan penipuan. Jadi adalah inisiatif berterusan di antara LHDN dan Kementerian Kewangan untuk sentiasa memperkemaskan ataupun perketatkan undang-undang sedia ada. Jadi setiap tahun kita syorkan pindaan undang-undang sedia ada dan undang-undang ini di bentang oleh Menteri Kewangan pada belanjawan tahunan. Ini adalah proses yang berterusan untuk menangani risiko-risiko ketirisan dan menutup sebarang *loophole* yang ada di dalam undang-undang percukaian.

Di samping itu juga ada juga inisiatif memperkenalkan undang-undang baharu untuk memperluaskan asas cukai itu sendiri. Jadi contohnya adalah inisiatif *e-invoicing* yang baru diperkenalkan. Ini terus saya huraikan dalam syor yang seterusnya iaitu syor keempat di mana PAC mencadangkan supaya status pelaksanaan *e-invoicing* ini dipermudahkan supaya pembayar cukai dapat melaksanakan e-Invoice dengan mudah. Jadi slaid ini saya kongsi garis masa pelaksanaan e-Invoice. Jadi kita laksanakan e-Invoice ini secara berfasa mengikut saiz pembayar cukai, mengikut jualan tahunan mereka. Bermula dengan Fasa 1 yang mana melebihi RM100 juta jualan tahunan sehinggalah ke fasa empat yang dijadualkan akan bermula pada 1 Januari 2026 untuk pembayar cukai di mana jualan tahunan mereka di bawah RM500,000 setahun.

Jadi untuk setiap fasa ini juga untuk memudahkan pelaksanaan, kerajaan juga telah memberi tempoh kelonggaran interim selama enam bulan untuk setiap fasa. Jadi di dalam tempoh kelonggaran ini, syarat-syarat pelaksanaan e-Invoice ini dilonggarkan, ada perkara-perkara yang dipermudahkan. Jadi kita telah selesai Fasa 1 dan Fasa 2 dan yang akan datang Fasa 3 yang akan bermula pada 1 Julai 2025.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya nak bagi celahan. Yang ini ya memang RM500,000 kena bagi, buat e-Invoice. Kami dapat banyak sungutan *on the ground*, banyak bantahan. So, ada seorang yang datang pada

mereka sangat marah pada kerajaan kerana ini lah RM500,000— kerana RM500,000 memang senang dicapai bagi kerajaan ini jualan, kan?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Jualan, *not profit you know*. So, senang dicapai dan dia kata kerajaan ini dia kata lah dengan kerajaan ini nampaknya mahu kita jangan besarkan bisnes kita, *just to put it make it small*. So, *that you know we don't need to pay e-Invoice* kerana ramai yang rasa sangat leceh untuk isi semua ini borang dan sebagainya dan mereka perlu seorang yang macam *full-time* untuk hanya buat ini sahaja bagi sesetengah syarikat.

So, adakah ini *you know*— saya tak tahu sama ada LHDN boleh memudahkan tentang yang keperluan ini, RM500,000.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih YB. Boleh saya jelaskan juga tentang kerajaan juga telah mendengar maklum balas daripada *public*. Seperti nota kaki di bawah slaid itu, buat sementara ini untuk perniagaan yang mana jualan tahunan mereka di bawah RM150,000 adalah dikecualikan untuk melaksanakan e-Invoice sehingga satu tarikh yang dimaklumkan. Jadi maksudnya untuk fasa keempat ini adalah perniagaan di antara RM150,000 ke atas sehingga RM500,000 lah.

Jadi itu salah satu keputusan dasar yang telah diambil oleh kementerian untuk memberikan sedikit kelonggaran berkenaan dengan rungutan yang telah diterima itu YB. Pada masa yang sama kita cuba berikan kemudahan yang saya akan jelaskan dalam slaid yang akan datang tentang macam mana kita nak mudahkan penerimaan inisiatif e-Invoice ini YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, boleh saya sambungkan apa yang Pengerusi sebutkan tadi, kan?

■1130

So, kalau Fasa 3, kita tengok dia RM500,000 hingga RM25 juta. Besar itu dia punya apa kan. *It's quite a big difference*. So, apa rasional? Bolehkah tidak— so, saya setuju apa yang disebutkan oleh Pengerusi tadi. Kita memang melihatkan *small players* itu kan, nak hidupan dia punya perniagaan pun satu hal, nak tambah lagi satu *worker just for doing the e-invoicing*— dia lainlah yang juta-juta ini. Dia *big players* kan. So, ini yang kecil-kecil ini. Dia pun baru nak hidup, barang naik, tarif naik dan sebagainya. So, kenapa tidak RM500,000 itu dinaikkan RM1 juta kah apa kah kan, *at least more reasonable* lah. Kesianlah dia orang yang kecil-kecil ini kan.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Terima kasih YB atas saranan tersebut. Kami pun sedia maklum. Saranan yang sama pun kami terima dalam sesi-sesi libat urus bersama dengan semua pemegang taruh dan kami sentiasa berbincang dengan

Kementerian Kewanganlah untuk mendapatkan arahan dasar mengenai *threshold* ataupun ambang untuk pelaksanaan fasa ketiga ini. Jadi, buat masa ini ambang itu masih kekal, tapi kami sentiasa berhubung dengan kementerianlah untuk sebarang keputusan selanjutnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Bayan Baru.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, okey. Dalam sesi-sesi Parlimen, kita banyak bangkitkan isu tentang e-Invoice ini. Ada cadangan untuk naikkan daripada RM150,000 kepada RM300,000, okey. So, soalan pertama, adakah itu dipertimbangkan? Sebab isunya macam ini, RM150,000 *you divided by 365 days*, dia satu hari *business* RM400 sahaja. RM400 *is very small*. Mikrolah ya, gerai tepi jalan RM400 biasalah, *you know*. Tapi, *you* minta gerai di tepi jalan itu buat e-Invoice, seksa mereka. Okey, *I think it's not fair*.

Then, kalau kita naikkan kepada RM800 pun, *meaning RM300,000 per year*, itu pun seksa juga tahu *actually to be honest* ya. *So, I think— so, first question, is the government— I mean, first question is why LHDN cadangkan e-Invoice? Kenapa? How do you set the benchmark itu yang RM150,000 atau RM300,000? Where do you pluck the number from? What is the rational of coming out with RM150,000? Please* minta jawapan. Terima kasih.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Terima kasih, YB. Soalan pertama adalah berkenaan dengan kenapa pelaksanaan e-Invoice ya? Pelaksanaan e-Invoice ini adalah selari dengan amalan terbaik negara-negara luar yang telah pun memperkenalkan e-Invoice. Kita tengok daripada masa kebelakangan ini, semakin banyak negara melaksanakan e-Invoice. Ia adalah satu cara untuk memperluaskan asas cukai untuk membawa mereka-mereka yang di bawah ekonomi bayangan ini ke dalam ekonomi yang formal. Jadi, dalam tujuan utama adalah untuk meningkatkan kutipan cukailah, YB. Jadi, e-Invoice ini kebbaikannya adalah membawa kesemua ke dalam ekonomi supaya dapat dicukai yang sepatutnya.

Yang kedua, tentang soalan YB berkenaan dengan *threshold*. Okey, tentang kenapa pelaksanaan. Sebenarnya dari segi perancangan asalnya ataupun keputusan asalnya, kesemua pembayar cukai dicadangkan untuk dimasukkan untuk melaksanakan e-Invoice ini. Tapi dengan *feedback* dan maklum balas yang kami terima, kita dah kecualikan yang betul-betul mikro, YB. Kami sentiasa menerima maklum balas lagilah. Saya tak boleh nak komen tentang keputusan dasar kenapa kita tetapkan sebegitu. Jadi, kami ambil perhatianlah tentang *concern* yang dibangkitkan oleh, YB.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Betul. Itu keputusan dasar berapa ambang itu, *the threshold* itu. Tetapi *threshold* ini *advised by LHDN, not the Minister. The*

minister tak akan tahu *why it's a rational. Everyone understands* kita nak *shadow economy* itu diserapkan supaya kita boleh *enlarge the tax base*. Tapi, *threshold* itu *is advised by LHDN*. So, my question is, where does LHDN pluck the number from? What is the basis of RM150,000? Why not RM200,000? Why not RM250,000? You know, itulah soalan saya.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: YB, penetapan *threshold* ini kita gunakan simulasilah, menggunakan data apa yang kami ada, YB. Jadi, kita pun ambil keputusan untuk dilaksanakan secara berfasa. Jadi, ini adalah pembahagian yang paling mudah dari segi pelaksanaanlah, YB. Maksudnya yang 100 itu dijalankan dahulu untuk melancarkan pengenalan e-Invoice ini. Jadi, yang seterusnya kita anggap sebagai fasa yang kedua yang sederhana besar. Yang ketiga itu adalah SME ataupun kita sedia maklumlah *range* SME itu adalah agak luas. Yang keempat itu adalah fasa mikro. Jadi, kalau menjawab kenapa *figure* itu, kita kategorikan berkenaan dengan kategori perniagaan itu sendirilah. Yang besar, yang sederhana besar, yang SME dan yang mikro.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: So, I want to say macam ini, LHDN perlu *propose what do you call all this threshold*, tapi dia kena *based on the rakyat* punya masalah mereka ya. Kita boleh ada *ideal system* nak ikut *Europe, US, whatever it is*, tapi *reality on the ground* di Malaysia ini lain. Yang mikro itu memang susah ya, nak mereka nak masukkan e-Invoice. Tambah lagi, kita katakan gerai-gerai makanan tepi jalan itu, mereka punya *education system, education* tak tinggi sangat. You nak seorang pakcik yang jual nasi lemak, dia punya *handphone* pun Nokia punya, *how do they key in all these numbers?* So, saya rasa *the reality check* itu kena ada ya. I think kita kena kaji balik *the RM150,000*, naikkan RM300,000 pun susahlah, *you know. I mean we are on the ground, okay. We meet the people every day. We want to— I want to personally send my strong protests lah on this issue* sebab kita pergi turun, orang marah, *you know*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, *it's true*. Betul. [Ketawa]

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: I think the RM500,000 itu kita boleh KIV as far as possible lah. To— I mean, KIV for now until selesaikan yang lain dulu. Sebab I think mikro itu, RM500,000 itu pun kira mikro juga.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Actually, saya juga nak tambahan itu, saya juga nak tanya. Misalnya kadang-kadang kita lihat penjaja, ada yang macam *char kuetiau, you know*, dia memang *business* yang sangat bagus. Macam mana you mahu dia buat e-Invoice? Dia sudah begitu sibuk pergi goreng-goreng tiap-tiap hari. Saya akui lah orang macam ini dia senang lari cukailah, tak

bayar cukailah. Tapi, juga tidak praktikal kalau e-Invoice *you know, even like Petaling Street* yang jual minuman air longan itu juga *a very good business, but how*—macam mana nak...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *That one fair lah, they have to pay lah. That one...*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Agree, agree. My question is, how do they do the e-invoicing and all that?*

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Terima kasih, YB. Sebab itu kita perkenalkan e-Invoice ini ada dua cara untuk mengeluarkan e-Invoice. Satu adalah e-Invoice individu, maksudnya untuk setiap transaksi mesti dikeluarkan. Yang ini kita wajibkan untuk contohnya, penjualan kereta. Kaedah kedua adalah apa yang kita panggil *consolidated e-invoicing* ataupun diagregatkan ataupun disatukan.

Jadi pembayar—peniaga hanya perlu kumpulkan ataupun jumlahkan jualan sebulan dan hanya perlu buat satu *e-invoicing* sahaja pada bulan seterusnya sebelum hari ketujuh bulan seterusnya. Ini apa yang kita panggil *consolidated e-invoicing*. Jadi, hanya satu sahaja *invoicing* yang perlu dibuat. Maksudnya, 12 kali sahaja setahun. Jadi, mereka cuma—*just total up* berapakah penjualan untuk sebulan itu dan buat satu sahaja *e-invoicing*. Jadi, tak perlu keluaran satu persatu untuk setiap pinggan yang dijual itu, YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Puan Pengerusi, soalan saya yang pertama, ada tak melibatkan kos-kos yang tertentu untuk buat invois ini? Kalau kedai yang besar itu, *it is okay* lah. Tapi kalau gerai-gerai ini, saya pun tak pastilah. Rungutan itu memang ada. Satu. Kedua, apa beza e-Invois dengan GST? Apakah ada persamaannya?

■1140

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Okey, terima kasih YB. Sebenarnya kita sediakan fasiliti untuk ataupun sistem peniaga membuat e-Invois itu sendiri. Jadi keperluan itu bergantung kepada *complexity* ataupun saiz perniagaan tersebutlah tetapi contoh yang YB Pengerusi beri tadi jika seorang peniaga sahaja menjual, membuka gerai jadi disebabkan kita benarkan *consolidated e-Invoicing* itu jadi peniaga tersebut boleh membuat sendiri sahaja *consolidated e-Invoicing* itu sekali pada bulan seterusnya.

Jadi bergantung kepada saiz yang *complexity* perniagaan untuk perniagaan yang ada *accounting department* sudah tentu perniagaan mereka lebih kompleks ada sistem pengeluaran invois kepada pembekal atau pembeli, jadi mereka perlukan

sumber untuk membuat *e-Invois* tersebut. Ia lebih kepada *data entry* sebab kita sediakan sistem secara percuma untuk laksana *e-Invois* itu, YB.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Maknanya kalau dia buat macam itu sebulan sekali itu, maknanya boleh jugalah berlaku penipuan di situ.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Yang penting mereka masuk ke dalam apa yang kita panggil net kitalah, YB. Mereka berada di dalam sistem jadi kita boleh menggunakan data itu untuk pemantauan seterusnya. Jadi kita tujuan utama itu masukkan ke dalam sistem dalam *tax formal economy* itu, YB.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Soalan kedua ini mengenai *e-Invois* dan GST tadi.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Okey. GST adalah cukai baharu berbeza dengan *e-Invois* ini, YB. Ini adalah dari segi pentadbiran percukaian sahaja ia tidak melibatkan apa-apa cukai baharulah YB. Jadi sangat berbeza.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Sistem dia itu, sistem itu. Bagi saya, saya pun tidak berapa faham fasal *invois* ini. Sistem yang digunakan dalam GST itu agak meluaslah, agak kita boleh *detect everything* tetapi *invois* ini saya pun tak tahu macam mana.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Kalau untuk *invois* ini saya rasa ada ciri-ciri yang sama juga dengan GST walaupun ia bukan cukai baharu tetapi keperluan untuk membuat *invoicing* ada ciri-ciri yang sama, YB. Contohnya dalam *e-Invois* ini seperti GST juga kita perlukan maklumat-maklumat seperti produk, harga barang dan sebagainya, jumlah yang dijual. Jadi saya rasa persamaannya di situ, YB dari segi maklumat yang dipohon.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Actually* kalau kita lihat Fasa 4 mulai 1 Januari tahun depan, *mandatory you know* bagi mereka membayar cukai dengan pendapatan atau jualan tahunan sehingga RM500,000. Maksudnya yang jual air di tepi jalan semua itu semua kena buat *e-Invoicing* kan. So, ini adalah satu anggapan semua orang di Malaysia ini adalah digital *what you call that?*

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Savvy.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *Digital savvy* sebenarnya bukan macam ini, memang bukan macam ini. So, itu sebab tidak tahulah ramai yang jatuh pada *scam* dan sebagainya. Mereka yang sekarang yang kena *scam* itu adalah khususnya macam mereka dengar kerajaan akan beri RM1,000 kepada mereka tekan link itu untuk masuk.

So, *this one* ini RM500,000 ini pandangan saya adalah kalau boleh kita *waive* yang Fasa 3 itu sudah cukup serius menjejaskan banyak SME. Fasa 4 itu saya rasa

memang susah kalau kita lihat yang ramai yang tidak tahu tentang macam mana operasi melaksanakan *e-Invois*. Kawasan Sik orang tahukah?

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: [Bercakap tanpa pembesar suara]. Tidak tahu belum kenal lagi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, saya soalan berkaitan dengan *e-Invois* ini. Dalam syor tiga atau dua tadi maknanya dilihat LHDN mengatakan perlu ada penambahbaikan dari segi peraturan dan undang-undang dan akta yang sedia ada itu mungkin maknanya perlu diperbaiki. Maksudnya dibuat rombakan begitu ya.

Dalam pelaksanaan *e-Invois* ini adakah juga maknanya dilihat keperluan untuk integrasi sistem antara agensi ini? Maksudnya contoh untuk dengan bank, dengan SSM sendiri, dengan Kastam dan sebagainya. Jadi isu yang disebut tadi soal SME ini memanglah sebab saya nampak ada beberapa perkara penting yang perlu diselesaikan asas kepada pelaksanaan *invois* ini, yang pertama itu kesedaran menyeluruh semua termasuk peniaga-peniaga digital yang nampak semakin besar sekarang ini. Dikatakan sudah ada 4 juta orang yang dipanggil e-Dagang yang menggunakan *Shopee, TikTok* semua ini.

Kedua, maknanya kita kena ada sokongan kepada peniaga kecil tadi ini yang isunya sebab mereka sangat-sangat rasa sulit untuk hendak mula proses itu untuk hendak daftar, jadi kesediaan infrastruktur ICT sendiri. Sebab itulah di Sik itu betul-betul. Rumah saya sendiri kadang-kadang itu *line* tidak ada padahal dekat dengan pekan sahaja. Jadi itu juga perlu dilihat secara keseluruhan termasuklah dari segi saya kata tadi penguasaan lintas agensi. Maknanya penguasaan itu sendiri, bagaimana pandangan LHDN sendiri?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih, YB. Tentang persoalan tentang integrasi itu sebagaimana dalam perancangan pelaksanaan *e-Invoicing* ini memang telah ditetapkan supaya data yang diperolehi melalui *e-Invois* LHDN ini akan dikongsi dengan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia. Jadi itu sahajalah integrasi antara agensi.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Dengan pihak bank sendiri, Bank Negara macam mana belum lagilah.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Belum, kita tidak kongsi maklumat percukaian adalah sulit.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Maksudnya dalam akta yang sedia ada adalah ya. Adakah ada keperluan untuk disemak oleh— atau bagaimana?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Buat masa ini kita tidak dapat keperluan lagi untuk berkongsi data tersebut lagi cuma dengan Kastam sahaja. Kita

sudah ada peruntukan undang-undang untuk perkongsian dengan Kastam sebab seperti soalan YB tadi dia adalah mirip kepada GST kan sebab dia melibatkan *invoicing*. Itu satu *area* yang ditadbir juga oleh Kastam, jadi sebab itu kita ada perkongsian maklumat di antara LHDN dengan Kastam.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Saya membayangkan yang untuk Fasa 4 itu ialah mereka yang memang sudah pertamanya yang sudah sedia mungkin berdaftar dengan Registrar Of Company (ROC) *enterprise* dan sebagainya. Maksudnya itu yang boleh dimulakan tetapi sebenarnya di *on the ground* ini ramai sahaja yang berniaga yang tidak register pun yang mungkin tidak terpakai dari segi ini.

Jadi dari segi mohon penjelasanlah maksudnya pelaksanaan itu maksudnya you Fasa 4 itu satu fasa tetapi satu fasa lagi macam mana hendak menggalakkan mereka mungkin tidak berdaftar dengan ROC untuk mendaftar dan boleh dimasukkan ke dalam sistem percukaian dan kalau mereka itu mendaftar apa *benefit* yang mereka dapat, itu satu persoalan. Kalau tidak dia tidak ada sebab macam peniaga kecil yang disebutkan tadi satu hari dia punya *revenue* dia RM400, RM500 yang *threshold* RM150 minimum tadi itu kan. Boleh dijelaskan?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Okey, YB. Perancangan jangka panjangnya adalah untuk setiap perniagaan perlu ada *e-Invoicing* untuk menuntut perbelanjaan. Buat masa ini adalah kita kenakan kepada penjual sahaja. Penjual perlu mengeluarkan *e-Invoicing* jadi saya yang membeli ini tidak perlu mohon *e-Invois*. Jadi jangka panjang nanti semua perniagaan daripada *supply chain* itu daripada atas sampai ke bawah perlu ada *e-Invois* untuk tuntutan perbelanjaan mereka ataupun penyediaan akaun mereka.

Jadi pada masa itu kita akan melibatkan semua pembayar cukai untuk masuk ke dalam sistem *e-Invois* ini, YB. Daripada situ kita akan dapat lihatlah jualan sebenar mereka, *threshold* mereka tetapi ini jangka panjanglah. Kita pun sedia maklum tentang apa *concern* yang YB semua telah bangkitkan tentang pelaksanaan. Kita pun sedia maklum kesukaran untuk melaksanakan ini dalam *slide-slide* yang akan datang pun saya akan jelaskan sedikit tentang perancangan untuk fasa-fasa yang akan datang ini.

■1150

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [MoF]: Yang Berhormat, kalau boleh saya pun tambah *on the threshold*. Setiap *threshold* ini memang kita sudah bincang dengan agak teliti dengan Lembaga Hasil dan sekarang perbincangannya masih berlangsung. Sebab itu kita ambil keputusan untuk *threshold* yang makna hasil bawah RM150,000 itu kita kecualikan.

Kalau kita boleh kongsi kita punya *estimate number* untuk yang RM150,000 ke bawah itu yang melibatkan 700,000 akaun dan kalau untuk yang fasa keempat ini sehingga *threshold* RM500,000 itu kita jangka 240,000 akaun pembayar cukai. Memang sekarang ini dalam slaid selanjutnya mungkin Lembaga Hasil akan kongsi macam mana kita— *now we have to a little bit engage* dengan publik ataupun mereka yang terlibat untuk kesedaran dan juga dari segi kemahiran untuk menggunakan e-invois. *Subject matter tax* ini memang agak sulitlah. Setiap minggu kita bersama-sama dengan Lembaga Hasil untuk tengok— *even though* peringkat yang pertama itu pun melibatkan syarikat-syarikat yang besar pun, *everyday* kita *set task force* untuk apa aduan yang dapat daripada pengguna dan kita minta Lembaga Hasil respons.

Benda ini sedang berlangsung. Untuk fasa yang keempat ini memang akan perlu ada *big*, dia punya gerakan yang lebih besar untuk *make sure that* pelaksanaan ini berjaya. So, semua setakat hari ini dia punya *threshold* itu dari segi polisinya masih kita *maintain* macam dipaparkan dalam slaidlah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, kita tengok Fasa 1, 2, 3, 4 ini sama enam bulan, enam bulan tempohnya kan. Kalau kita tengok Fasa 1, *that involve big players*. Maknanya ia ada profesional yang nak buat *e-invoicing whatever* semua kan, akauntan pun ada kan, yang nombor dua mungkin nombor tiga itu *a bit smaller scale*.

So, kalau *you want to be a realistic*-lah kan, nak capai Fasa 4 mandatori itu sedangkan mereka ini agak kecil. Sebab itu kita kata tadi yang RM500,000 *is* agak apa jugalah kan. So, *that is why we want to increase* yang RM500,000 itu, satu kan. *And then* dalam enam bulan, *you* katakan tadi Fasa 3— tuan apa tadi kata Fasa 3 itu *you are not engaging with this big companies*, yang empat itu lagi ramai. Dua, tiga kali ganda lagi ramai kan.

So, *you are not engage* yang *a big player* itu dulu sebab dia lagi banyak duit kan, nak *catch your* cukai itu, yang ini *realistically*-lah kan bolehkah capai dalam enam bulan itu? Nak capaikan semua yang tadi, yang jual kuetiau, jual apa benda semua ini ais krimkah apa dan yang melibatkan mungkin yang SPM pun dia tidak ada kan. Kalau dia nak buat yang inilah, yang kecil-kecil semua kan. Kadang-kadang dia tak konsisten pun, dia bukan meniaga setiap hari pun.

Satu yang saya nak secara apalah, yang *engagement with other agencies* kan. Sebut fasal *e-invoicing* makna ada internet. *Realistically*-lah di tempat kita ini, negara kita ini, saya Kapar itu tidaklah jauh sangat daripada bandar, tahu? Tapi ada tempat yang memang tidak ada. Nak mesyuaratkah apa benda, tiba-tiba hilang *line*. So, macam manalah dia orang? Dia orang ini dahlah kecil dan orang pun nak buat

itu satu hal, nak buat *form dek* gini pun satu hal. Tiba-tiba tengah dah buat, eh *half way* hilang pula kan. So, macam mana dia nak fokus *e-invoicing* kah, nak fokus ke *income* dia kah, ke macam mana?

Saya setuju lah yang tadi pembayar cukai yang RM150,000 itu kan, saya rasa sebab ini pendapatan, dia bukannya dia punya *profit* setahun. Nak tahu juga, tahun bila *you all set* RM150,000 ini? Semasa ini harga semua dah lain, apa semua kan. So, itulah di antara— so, yang Fasa 4 itu dengan yang RM150,000 itu. Mungkin ada tak *consideration* untuk diapakan, ditengok baliklah kan. Terima kasih.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih YB atas cadangan tersebut. Sebenarnya tempoh kelonggaran interim ini pun kita perkenalkan selepas kita dapat maklum balas daripada pemegang taruhlah. Kalau ikut asalnya memang kita *just* ada satu tarikh pelaksanaan sahaja tapi bila kita dapat maklum balas tentang kesukaran melaksanakan ataupun kekangan pembayar cukai untuk melaksanakan inisiatif ini, kita adakan tempoh kelonggaran interim ini di mana kita permudahkan dan kita pun memberikan aku janji untuk tidak mengenakan apa-apa tindakan. Ia lebih kepada pendidikan untuk mengajar pembayar cukai untuk melaksanakan dengan jayanya. Jadi kita tak ambil tindakan undang-undang untuk yang gagal. Jadi itu, kita sentiasa *adjust* mengikut *feedback* yang kita terimalah YB.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Maksud mandatori itu tak lah berapa mandatori kalau jawapan tadilah. *[Ketawa]* *It's just* pendidikan kan.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Ya, betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, yang Fasa 1, Fasa 2 *finishing soon* kan? *How's your progress?*

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Okey, saya boleh teruskan dengan slaid kah YB? Sebab berkaitan juga dengan soalan YB tadi.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Okey, okey ya.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Ini *just* perkongsian tentang garis semasa pembangunan MyInvois. MyInvois ini adalah nama yang diberi kepada sistem yang dibangunkan oleh LHDN untuk pelaksanaan inisiatif ini. Jadi, kotak kuning itu adalah beberapa *milestones* yang kita dah capailah. Jadi akan datang adalah pelancaran projek rintis e-POS. Ini juga satu produk yang percuma, *point of sale system* e-POS yang kita beri secara percuma untuk menggalakkan *especially* yang SME dan mikro ini untuk melaksanakan e-invois.

Seterusnya, ini adalah usaha dan inisiatif LHDN secara berterusanlah. Kalau saya boleh rumuskan slaid ini, mungkin item satu, dua dan tiga ini adalah libat urus, kerjasama dan perbincangan berterusan yang kita adakan dengan semua pemegang taruh. Item empat, lima, enam dan tujuh ini adalah penyediaan bahan-bahan rujukan

dan bantuan untuk membantu pelaksanaan e-invois dan item nombor lapan itu yang kita telah mulakan daripada lama dahulu dan akan berterusan untuk kita berkomunikasi dan memberi publisiti tentang pelaksanaan inisiatif ini.

Jadi, saya akan kongsi slaid seterusnya tentang pelaksanaan sejak kita mula lancarkan 1 Ogos tempoh hari. Jadi, untuk Fasa 1 sebanyak 5,440 pembayar cukai dari Fasa 1 telah melaksanakan e-invois. Jadi daripada data yang kita ada, ada 146 syarikat lagi yang masih belum patuh. Jadi kami dah mula *engage* dengan mereka untuk memahami apakah kekangan untuk mereka tidak melaksanakan e-invois ini. Jadi itulah pendekatan yang kita buat, tidak terus ambil tindakan pematuhan ataupun penguatkuasaan. Kita lebih kepada perbincangan dan pemahaman tentang kekangan yang dihadapi.

Untuk Fasa 2, 12,783 pembayar cukai telah pun melaksanakan e-invois. Jadi daripada data terkini yang kami ada, ada 1,604 pembayar cukai Fasa 2 yang masih belum melaksanakan e-invois. Jadi Fasa 3 dan Fasa 4 belum mandatori seperti yang kita bincangkan tadi. Cuma kita boleh lihat juga ada 12,775 pembayar cukai dari Fasa 3 dan 4 yang walaupun belum mandatori yang telah melaksanakan secara sukarela. Maksudnya mereka melaksanakannya lebih awal daripada sepatutnya. Jadi YB ...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey saya nak tanya, yang dikatakan 5,440 dari kalangan pembayar cukai Fasa 1, 12,000 dari cukai Fasa 2. Itu menggambarkan berapa peratus daripada pembayar cukai Fasa 1 dan Fasa 2? Ada nombor itu tak?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Jumlah untuk Fasa 1 adalah keseluruhannya sepatutnya melaksanakan e-invois adalah 5,762. Jadi daripada itu, 5,440 dah laksanakan. Untuk Fasa 2 sepatutnya laksanakan sebanyak 14,943. Jadi yang kita dah capai sehingga hari ini adalah 12,783. Jadi saya sebut peratusan yang besarlah.

■1200

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi setakat ini, Fasa 1 dan Fasa 2 pematuhan dia boleh katakan tinggilah.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Agak tinggi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tinggi. Juga yang Fasa 3 dan 4 ini, maksudnya ada yang walaupun dia dalam Fasa 4 ya bawah RM150,000 tapi dia dah...

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Dah laksana.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Awal-awal dah *comply* dah?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Walaupun dengan yalah tak tahulah dia jual tepi jalan ke apa ke tapi tetap dia *comply*-lah?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Dah ada dah YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Ada *breakdown* ke antara 3 dan 4 ini?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Untuk 3, 6,000. Untuk 4, 6,700, sekitar.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. 6,000 ini maksudnya 6,000 yang berdaftarlah, akaun yang berdaftar?

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Yang telah melaksanakan e-Invois dan mereka pun ada fail di dalam sistem LHDN.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. So maksudnya entiti yang dah berdaftar, lebih kurang 6,000 Fasa 3, 6,000 Fasa 4.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ini secara keseluruhannya Fasa 3, berapa ribu dan Fasa 4 berapa ribu.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Okey. Untuk Fasa 3, 280,000 perniagaan. Untuk Fasa 4, 240,000.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey. Ini memang group yang paling besarlah.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Sangat besar.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Kali keempat ini.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Jadi tadi pun kita ada dengar banyak maklum balas berkenaan dengan pelaksanaan dan sebagainya. Pihak LHDN pun dah membuat *constant engagement* dengan pemegang taruh dan sebagainya. *Engagement* ini bila dah dapat input dan sebagainya, akhirnya dia juga akan diberikan kepada pihak Menteri dan satu keputusan dasar juga dari semasa ke semasa akan dibuat...

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Sama ada untuk memanjangkan lagi tempoh interim itu.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Tapi itu keputusan dasar yang dibuat oleh Menterilah.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul, YB.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Bukan *all of you*-lah.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Betul.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Itu sentiasa kita adakanlah YB. Jadi saya teruskan.

Untuk rekod, mungkin saya boleh nyatakan juga YB untuk slaid sebelum ini tentang jumlah e-Invois dalam slaid yang sebelum ini. *[Merujuk pada pembentangan slaid]* Just nak nyatakan tentang sehingga 16 Mei, 285 juta e-Invois telah berjaya diproses dalam rekod dalam sistem LHDN.

Slaid seterusnya. Jadi salah satu faktor yang menyebabkan penerimaan yang baik di Fasa 1, 2 dan juga ada pelaksanaan oleh Fasa 3 dan 4 secara sukarelanya adalah tentang kemudahan yang kita dah sediakan kepada pembayar cukai untuk melaksanakan e-Invois. Jadi kita ada empat cara untuk menghantar e-Invois.

Kiri itu memerlukan sumber yang besarlah iaitu lebih kepada Fasa 1. Tapi untuk kemudahan portal, aplikasi mudah alih ataupun *mobile apps* dan yang terbaharu, MyInvois e-POS sistem ini kita sediakan secara percuma kepada pembayar cukai untuk memudahkan dan menggalakkan penerimaan inisiatif e-Invois ini.

Seterusnya...

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Sebelum itu Pengerusi, saya nak tanya. Daripada— bolehkah LHDN— tadi saya difahamkan 6,000 Fasa 3, 7,000, Fasa 4 telah buat e-Invois. Okey, bagus. Ada orang yang sanggup. Sebenarnya, kita punya rakyat dia nak ikut peraturan. Cuma sebagai kerajaan, *you* kena memudahkan.

Adakah LHDN adakan *taskforce* untuk turun berjumpa dengan Fasa 3, Fasa 4 yang telah *register* dengan *you* terutamanya di kawasan luar bandar? Bolehkah pergi jumpa mereka dan perbaiki sistem? Tanya mereka apakah masalah yang mereka hadapi supaya kita boleh permudahkan dalam Fasa 3.

Fasa 4 saya tak setujulah, *you know*. Fasa 4 *it's too much you know*. At least Fasa 3 kena pastikan sebab dia melibatkan 240,000 orang. Banyak tentang ini. Kita tidak mahu menjadi satu isu yang membebankan kepada rakyat. Mereka buat niaga ini, *they create jobs*. Yang buat *business* ini, mereka ambil *risk*, *they create jobs*, *they sustain economy*.

Kalau kita susahkan mereka, *they give up*. *They surrender*. Dia tutup kedai, kita punya rakyat tak dapat *create* kerja *then economy go down*. So I think you need to make sure this system is friendly dan minimum bebanan kepada mereka pun. I think Fasa 4 just KIV-lah *you know* selama-lamanya.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Terima kasih YB atas pandangan tersebut. Itu saya boleh terus kepada slaid seterusnya iaitu persediaan untuk menghadapi fasa yang ketiga ini.

Jadi, seperti yang YB sarankan tadi, kita pun telah meluncurkan Jelajah Mega e-Invois ini untuk persediaan kepada fasa ketiga untuk 1 Julai nanti. Jadi kita dah turun padang seperti saranan Yang Berhormat tadi. Antara aktiviti yang kita jalankan, kita turun padang, kita edarkan bahan-bahan publisiti dan kita buat juga soal selidik.

Daripada hasil soal selidik yang kita terima itu, kesedaran e-Invois itu agak tinggi. Cuma persediaan nak melaksanakan e-Invois itu masih rendahlah. Jadi kita faham ini adalah kumpulan yang besar dan juga tidak mempunyai sumber seperti yang telah dibangkitkan oleh para YB tadi persediaan untuk melaksanakan e-Invois itu sendiri. Jadi kami sedia maklum dan kami dah mula bersedia untuk menghadapi Fasa 3 yang lebih ramai ini dan lebih banyak kerenahnyalah.

Kalau kita boleh pergi ke slaid seterusnya. Untuk sebelum ini kita ada tiga saluran untuk membantu pembayar cukai iaitu e-mel, telefon dan *chat* tetapi untuk persediaan Fasa 3, kita dah mula perkenalkan kaunter khas e-Invois di semua pejabat LHDN mulai 1 April. Jadi ini khas untuk melayani pertanyaan tentang e-Invois sahaja.

Pada masa yang sama, seperti saranan YB juga, berbeza dengan Fasa 1 di mana *engagement*-nya banyak dibuat di peringkat HQ sebab mereka ini pembayar cukai yang besar. Untuk fasa yang ketiga ini, kita dah turunkan tanggungjawab untuk *engagement* ini kepada negeri-negeri. Jadi seperti yang YB sarankan tadi tentang kawasan-kawasan terpencil yang dalam pedalaman, ini adalah tanggungjawab LHDN negeri untuk bersemuka dengan perniagaan pembayar cukai.

YB, boleh saya teruskan dengan syor kelima dan terakhir? Iaitu tentang program kepatuhan undang-undang cukai yang khusus juga kepada mereka daripada *economy digital* yang ada YB sebut tadi.

Jadi, untuk penerangan maklum balas syor yang kelima ini, mungkin saya maklumkan untuk semua pentadbir cukai seluruh dunia, untuk memastikan kepatuhan, ada dua strategi yang diambil. Strategi yang pertama, dari segi kesedaran dan pendidikan dan strategi yang kedua adalah dari segi penguatkuasaan.

Jadi saya pergi kepada strategi yang pertama dahulu. Memang LHDN mempunyai segmentasi jenis-jenis pembayar cukai untuk kita beri pendidikan dan kesedaran. Jadi, pendekatan untuk setiap kumpulan pembayar cukai ini berbeza-beda bergantung kepada kategori dan ciri-ciri kumpulan tersebut. Ini termasuk pembayar cukai yang baharu, yang tidak patuh membayar cukai sedia ada.

Kami juga telah mula mendekati bakal-bakal ataupun pembayar-pembayar cukai yang berpotensi dari sekolah dan juga pendidikan tinggi. Sebagai contohnya, slaid seterusnya. Ini adalah program kesedaran cukai kepada generasi muda. Ia

lebih kepada memberikan kesedaran tentang kepentingan cukai, pentingnya cukai untuk negara dan sebagainya.

Slaid seterusnya, saya sentuh tentang...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Boleh tolong jelaskan potensi untuk pelajar sekolah dan IPT ini? Adakah ini *awareness programme* ataupun mereka ini pun akan dikenakan cukai juga? Sebab tajuk dia itu “potensi”.

Encik Shaharrudy Othman [LHDN]: Okey, YB. Semua pelajar ini yalah, akan berpotensi untuk masuk kepada *[Dicalah]* masa hadapan akan masuk *workforce* kita. Tapi mungkin ada juga yang masih muda yang ada pendapatan daripada *online*. Tak mustahil jugalah YB dalam zaman sekarang ini, kan? Tapi betul YB seperti yang YB katakan tadilah, ini lebih kepada kesedaran dan kepentingan cukai, yang kita tak mengajar yang teknikallah. Lebih dari segi kesedaran, kan?

Slaid seterusnya tentang bagaimana LHDN menangani mereka yang mempunyai pendapatan daripada ekonomi digital. Jadi kami ada pelbagai saluran ataupun *channel* untuk kami dekati mereka ini termasuklah penyediaan panduan cukai, program-program jelajah, seminar, promosi, latihan dan kursus.

■1210

Kami juga adakan kerjasama dengan platform-platform e-Dagang. Jadi platform ini sangat beri kerjasama dengan LHDN di mana mereka membantu *engagement* bersama dengan peniaga-peniaga di platform mereka sendiri. Kami juga ada pelbagai saluran media sosial dan kami juga ada kerjasama dengan para pengengaruh yang membantu menyampaikan maklumat percukaian kepada *followers* mereka.

Seterusnya. Tadi jika saya sudah...

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: YB Pengerusi.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, sila ya, Bangi.

Tuan Syahredzan bin Johan [Ahli PAC]: Ya. Sebab kita pun mutakhir ini kita banyak tengok dekat berita bagaimana LHDN dah mula ambil tindakan terhadap pengengaruh yang dapat banyak hasil daripada *online* punya *marketing* lah, dia punya TikTok Shop dan sebagainya.

Jadi saya nak tahu dari segi penguatkuasaan itu. Adakah pihak LHDN memang ada satu pasukan untuk *track* mereka yang dapat banyak *revenue* daripada TikTok kah, daripada media sosial ini dan kemudian LHDN ambil tindakan terhadap mereka kah ataupun apa mekanisme dia?

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Terima kasih YB. Soalan YB itu menjurus terus kepada slaid saya yang seterusnya. Kalau tadi saya terangkan tentang strategi

kesedaran dan pendidikan. Slaid ini menerangkan tentang strategi penguatkuasaan lah.

Jadi kami pada masa ini jika dilihat di slaid itu, kami ada satu seksyen yang diwujudkan khas untuk menangani mereka yang mempunyai pendapatan daripada ekonomi digital. Kita panggil seksyen ini seksyen SEDBI. Seksyen Ekonomi Digital dan *Behavioural Insights* di bawah sektor pematuhan cukai.

Jadi memang seksyen ini adalah *specialist* lah untuk mengesan dan memberi kesedaran dan menguatkuasakan pematuhan cukai kepada mereka-mereka yang mempunyai pendapatan secara digital. Jadi pendekatan yang kami ambil adalah pendekatan yang lebih halus lah. Jadi kami tidak terus ambil tindakan penguatkuasaan ataupun tindakan undang-undang.

Apa yang kami buat berikan peringatan dahulu, berikan pendidikan, pemakluman. Baru lah kita ambil tindakan yang lebih tegas jika mereka masih lagi gagal patuh.

Tidak memfokus kepada ekonomi digital sahaja tetapi lebih kepada pematuhan cukai secara keseluruhan lah untuk negara kita. Jadi kami adakan siri-siri operasi pematuhan cukai seperti yang disentuh oleh YB tadi di mana kita ada *area-area* yang kita fokuskan.

Contohnya ekonomi bayangan, industri berisiko tinggi, perancangan cukai agresif dan sebagainya. Tujuan kita adakan— ini adalah untuk makluman YB PAC, siri-siri yang telah dan akan kita laksanakan sepanjang tahun ini.

Slaid seterusnya, inilah tujuan kita buat operasi tersebut adalah untuk mendapatkan liputan media massa tentang kesedaran untuk mematuhi undang-undang percukaian. Ini salah satu strategi kita untuk menguar-uarkan kepada rakyat supaya sentiasa patuh dan sentiasa peka tentang tanggungjawab untuk membayar cukai.

Jadi YB, itu adalah slaid terakhir saya. sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada PAC atas syor-syor yang dah dikemukakan untuk LHDN meningkatkan pengurusan hasil negara. Terima kasih YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ya, Encik Shaharrudy kan?

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Saya.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Betul kah yang beberapa bulan yang lepas saya pernah baca yang mana LHDN tidak akan membantu orang menjelaskan bayaran cukai dalam kaunter dan minta kita semua ini bayar melalui *[Dicelah]* e-Filing. Betul?

So, okey bagi saya, sejak saya keluar kerja. Sejak tamat pengajian universiti, setiap tahun saya ada sudah ada praktis. Saya pergi ke kaunter LHDN, saya punya fail adalah di Wilayah Persekutuan KL.

So, yang— saya ambil semua bil, pegawai yang tolong saya kemaskinikan dan saya bayar cukai melalui kaunter. Okey, kerana yang arahan ini, tahun ini saya sendiri yang belajar tengok macam mana buat e-Filing sendiri lah.

But you see how many people are like me. Ada orang yang memang *you* cakap macam mana pun, bukan begitu *IT-savvy* dan sebagainya. *So, my question is* dengan arahan macam ini bukankah ini menjejaskan usaha LHDN untuk menggalakkan lebih orang datang ke kaunter untuk tolong mereka buat pengiraan secara tepat untuk bayar cukai?

Adakah yang cukai itu turun kah *you know the number of the filing* kerana tak ada buka kaunter untuk tolong mereka— turun kah atau pun tambah?

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Terima kasih YB atas soalan tersebut. Secara amnya, memang setiap tahun kita lihat peningkatan lah dari segi pembayar cukai yang membayar cukai dan jumlah kutipan cukai itu sendiri. Tetapi kami faham tentang *concerns* yang YB bangkitkan tadi. Memang LHDN seperti saranan kerajaan juga lah juga bergerak ke arah e ataupun pengenalan perkhidmatan secara *online* ataupun secara digital. Itu memang hala tuju perkhidmatan LHDN.

Walau bagaimanapun, kami masih sediakan perkhidmatan di kaunter. Cuma kita tak galakkan lah pembayar cukai untuk hadir ke kaunter. Mungkin kita dapat lihat perbezaan dari segi— mungkin ada generasi lah YB. Ada generasi yang selesa dengan penggunaan digital. Mereka lebih *prefer* tak datang ke kaunter dan ada juga generasi yang lebih suka datang bersemuka.

Jadi ini zaman peralihan lah, YB. So kita adakan dua-dua *channel*. Secara *online* pun ada, secara fizikal pun ada. Tetapi hala tuju akan datang adalah lebih kepada *online* lah. Kita semakin kurangkan perkhidmatan kaunter kita. Masih ada tetapi kita kurangkan. Kita galakkan perkhidmatan *self-service* daripada pembayar cukai itu sendiri, YB.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Ada ramai yang tidak *not IT-savvy* dan juga tidak pandai dari segi matematik, pengiraan, cukai. Kalau kita mahu lebih cukai dikutip daripada mereka yang golongan bawahan tak banyak pendidikan punya dan kita tutup pintu. *You* buat secara melalui *online* lah. Dia mahu tipu pun senang, kan? So kalau orang yang datang ke kaunter ambil bil-bil dia, saya tak tahu macam mana kira. *You* tolong saya. Ini orang yang jujur.

Sebenarnya saya rasa LHDN harus mengalu-alukan mereka yang datang supaya *you* buat pengiraan, *you* bayar sekarang. Bukan kah ini lebih— kalau tidak

kenapa pegawai-pegawai LHDN turun padang menjelajah seluruh negara, *still there are still a lot of people don't know how to do your e-Invoice*. Berapa kali *you* cakap, dia masih keliru punya. So saya rasa kalau mereka yang memang mahu bersemuka dengan pegawai kerana mereka mahu jujur, tahu? *[Ketawa]*

Saya rasa yang pendekatan LHDN ini bagi saya lah harus lah lebih mesra rakyat lah. Jangan selalu anggap semua orang di seluruh negara tahu macam mana e-online, e-Filing, e-Invoice semua ini— kita anggap sudah terang kepada kamu satu kali, *you* sudah tahu. *Not necessary*. Ada perkara-perkara dalam *business* yang mana mereka pun tak *sure* ada haruskan ini diisi kah atau pun tidak. So, *they still need guidance* daripada pegawai kita, tahu?

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Terima kasih YB. kami ambil perhatian tentang makluman tersebut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, boleh tak saya tanya *how much are you spending on the public outreach* lah, kan? Nak pergi turun padang. Beritahu termasuklah kepada budak-budak sekolah dan sebagainya. So *how many percent of your budget are you allocating on this?*

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Saya mohon maaf YB. Saya tak ada maklumat tersebut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kurang lah.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Memang setiap tahun kami memang ada peruntukan lah untuk pendidikan. Saya pun tak dapat nak *quote figure*. Saya mohon maaf.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *With this new e-Invoicing you all* turun lebih banyak, kan?

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Betul.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *You all* punya apa-apa *circles* itu pun sasaran itu pun lagi banyak.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Kami gunakan pegawai yang sedia ada YB untuk pelaksanaan inisiatif baharu ini. Jadi kita susun semula lah fungsi-fungsi, tugas-tugas itu.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *You all* punya ada portal aduan yang aktif tak?

■1220

Maknanya, orang nak tanya tadi kan, YB Pengerusi kata kan. “*Oh, saya tak reti begini, begini, begini*”. Dia boleh tak *forward* kepada *you all and then you get prompt response* supaya dia boleh kejar masa untuk betulkan itu.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: YB, kita pernah ada beberapa saluran yang kita ada untuk dihubungi oleh pembayar cukai. Kaunter itu sentiasa ada di lokaliti-lokaliti ataupun di pejabat-pejabat hasil di seluruh negara. Itu sentiasa ada. Di mana pembayar cukai boleh hadir untuk dapatkan nasihat secara bersemuka. Kita juga ada juga saluran-saluran lainlah, telefon, e-mel dan *chat* dan sebagainya.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Oh, yang nak segera itu tahu. Kadang-kadang telefon ini seram juga. Kadang-kadang *you don't get the response fast enough*. Sebab

e-invoicing supposed is to be— facilitate cepat dan sebagainya kan.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Untuk invois memang kita dah wujudkan kaunter khas lah, YB. Untuk membantu aduan-aduan ataupun pertanyaan berkenaan dengan invois.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: Pengerusi, *I* cuma nak bagi sedikit pandangan lah ya *for your perspective*. Okey, apabila kita untuk *business* di Malaysia ini, mereka semuanya mereka *take risks. They do business* dan *business* kadang-kadang naik, kadang-kadang turun. *We never know. Just like in life sometimes you are up, sometimes you are down*.

Jadi, untuk mereka, sebenarnya kerajaan ini, *we are partners with them*. Sebab, 24 *percent* yang mereka untung itu kerajaan dapat. *So, we are actually partner with business. So, I think* LHDN *I'm sure you know about this theory* bahawa sebenarnya *we have to make them— make it easy for them*. Supaya kita boleh untung. Mereka untung, kita untung.

Jadi, saya nampak bahawa saya— ini *personal experience*. Apabila kita laksanakan GST. *I just want to tell you a story. My mother-in-law* dia sebenarnya *newspaper vendor*. *So*, apabila mereka dapat *this—* apabila kita laksanakan GST, tiap-tiap malam saya tengok dia, dia kena kira satu persatu. Seksa tahu. *60 something years old*. Dia kena kira satu persatu. *She goes to work 1.00 am in the morning*. Okey. Dia kena buat GST masa itu sampai pukul 8.00 hingga pukul 9.00 malam. Dia tidur tiga empat jam. Dia terus pergi buat kerja.

Okey, *so that is* GST. Lepas itu, apabila kerajaan umumkan e-Invois. Okey, atas faktor umur juga lah dia sudah tua. Dia kata *she gives up. So, she quits from—* dia *surrender* lah *the vendorship* itu. *So*, ini *newspaper*. Satu bulan dia punya *income* pun RM1,000, RM2,000 atau RM3,000 sahaja. Tak banyak. B40 lah *considered*. Jadi, *I think the issue now is* kita kalau kita go Fasa 4, seksa tahu. Ramai. *And then, this because the small business* macam ini mereka *sustain* satu *family*. Dia bukan sahaja jual makan. Ada yang *newspaper vendor, small businesses* dan sebagainya.

Kalau dia *give up, the whole family* akan menjadi beban dan ada yang tua. Kebanyakannya tua. Mereka akan *give up the business* dan *I think— then* kerajaan terpaksa tanggung perbelanjaan mereka dari segi kebajikan dan sebagainya. *To me, 700,000* apa ini yang *below 500,000* itu tak payah lah. Tak ada banyak *shadow*. Berapa *shadow* yang kita boleh *collect tax* daripada itu? Tak banyak pun. *I hope that government really think through this*. Jangan tekan mereka dengan tekanan ini. *Right*, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Saya nak tanya, *if we save 500,000 per year, that means one month* ialah lebih kurang 42,000 lah. Satu bulan. Tetapi, itu penjualan *only*. Bukan untung. *The* penjualan kalau satu bulan maksudnya lebih kurang macam penjaja, 42,000. Tetapi, mungkin dia bila betul-betul untung ialah 4,000 lah. *Maybe*.

Tuan Sim Tze Tzin [Ahli PAC]: *10 percent*.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *10 percent*. Dia kena bayar gaji. Dia kena bayar sewa. Kena bayar banyak. *So, the amount* mereka buat ini e-Invoice biasanya orang yang buat kerja macam ini pendapatan pun tak tinggi. *So*, itu sebab bagi saya ialah— *we are with people on the ground, we look at your Fasa 4* sangat susah *you know* bagi mereka. Sekarang sudah kita terima banyak rungutan bagi Fasa 3 itu. *The 500,000 and above*.

So, itu sebab kita lihat yang mantan Menteri Kewangan Lim Guan Eng sendiri pun keluar kenyataan minta kerajaan pertimbangkan semula dan ramai wakil rakyat juga cakap yang sama. Bagi saya, saya memang berharap LHDN boleh pertimbangkan ini semula lah dengan dasar ini. Khususnya Fasa 4. Fasa 3 sudah banyak orang *complain* dekat kita.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Mungkin saya dengan Pengerusi itu nak tahu *out of that 6,000 plus* yang *you all* dapat daripada Fasa 4 itu berapa *percent* yang dikategorikan muda? Maknanya, *IT savvy* yang Bayan Baru punya mak mertua itu tak masuk dalam kategori itulah. *So, according to the category* yang agak-agak bolehlah buat *e-invoicing* ini boleh tengok A dengan B pun dia nampak, *you know that*.

Encik Shaharrudy Othman [MoF]: Saya mohon maaf, YB. Saya tak ada data pecahan tentang kategori tersebut.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Kena kaji itu. Dia punya demografi ini. *We are talking about* rakyat punya *problem* tahu. *The real people* punya masalah. *Practical problems*. Bukan yang *you all thinking about tax evaders*. *That is your main concern*. Kami ini mendengar daripada rakyat ini.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Okey, ada lagi? *No?* Mungkin pegawai LHDN akan kata *you want us to increase the revenue*, sekarang kita mahu buat *e-invoicing* tetapi sekarang wakil rakyat yang minta kita batalkan yang kategori empat itu. *But— [Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Bagi pihak rakyat. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Tetapi, kami sudah sampai kepada Menteri, memang ada. Perdana Menteri juga tahu, kan? *So*, memang mereka tahu. Tetapi, kami yang cakap semua macam ini kami yang ada bersama dengan *grassroot*. *So*, kita tahu kesusahan mereka lah. *So, there's a problem. Sometimes you know good intention, objective* adalah nak tambahkan lagi pendapatan kepada negara tetapi dari segi implementasi yang golongan bawahan itu setakat sekarang, saya rasa orang di Sik tak boleh buat, kan? Di KL pun saya terima banyak *complaint* tentang ini. Kami hanya nak panjangkan *because this is the forum*. Kami nak panjangkan.

Dato' Zamzuri bin Abdul Aziz [MoF]: YB, *on policy* ini memang benda ini dalam pertimbangan MoF. Cuma dalam konteks pentadbiran cukai. *We need—* kalau boleh *our gap is data*. Macam tadi memang peringkat *transition* ini memang semua pihak kerajaan pun ada risiko, rakyat pun ada risiko tetapi *to move forward we need that* kesedaran semua. Sebab macam tadi Yang Berhormat sebut kalau kita ada data, bukan sebenarnya untuk cukai, untuk di *tax* sahaja. Tetapi, untuk menyampaikan bantuan ataupun dalam bila keadaan berlaku sesuatu. Contoh, dalam sesetengah *business* terjejas kerana *any issue*. *We can— from the data we can analyse* apa. Kalau dahulu dia mungkin punya *average margin 30 percent*. *Because of that*, margin dia jatuh.

Kerajaan boleh *direct engage* dengan *that particular statement* lagi cepat dan lagi tepat. Tetapi dalam hendak menghadapi proses tersebut kita ada lah perkara-perkara yang kita kena harung. Macam tadi lah bila YB sebut *in terms of* menggunakan 'e', menggunakan manual. Dalam keadaan ini, kalau kita menggunakan 'e' ini sebab kita boleh meningkatkan produktiviti Lembaga Hasil. Dari segi kos untuk memungut cukai itu lagi rendah. Dalam konteks tersebutlah. Sebab itu, dalam konteks ini kalau tengok sekarang kita pun dah, kerajaan YB pun terlibat. Kita telah melibatkan Lembaga Hasil juga untuk menyampaikan bantuan. Bukan setakat kutip cukai. Lembaga Hasil pun sekarang adalah ejen untuk menyampaikan bantuan i-Sara lah semua. Dia juga terlibat.

Tetapi untuk meningkatkan keberkesanan *we need that* pengorbanan kita untuk berkongsi data lah. Pihak rakyat pun ikhlas. *They declare* dia punya *income*, yang kerajaan pun boleh, kita boleh sampaikan maklumat atau apa— *any intervention* dengan lebih tepat dan lebih cekap *in terms of* penggunaan sumber. Ini matlamat kita bersama wakil rakyat dan rakyat dan seluruh *our parts* sebagai pentadbir sistem ini, YB.

Tetapi, *on the concern* yang YB sebut tadi kita memang ambil kira benda itu. Sebab itu, kita ada fasa-fasa interim supaya *engagement* dengan rakyat yang kita boleh nilai setakat mana rakyat bersedia. Kalau *anything happens* mungkin polisi boleh diubahsuai supaya semua pihak bersedia dan juga tidak membebankan kita semua lah. Kerajaan pun ada risiko. Okey, terima kasih.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Kalau tak ada apa-apa lagi dari Ahli-ahli Yang Berhormat. So, kita tangguh mesyuarat kita pada pagi ini. Jadi, saya nak berterima kasih kepada pihak LHDN. Kita terima kasih kepada TKSP dan Encik Shaharrudy dari LHDN dan juga Encik Marside Zelika, Ketua Pegawai Operasi Cukai LHDN kerana sudi hadir dalam mesyuarat PAC pada pagi ini. Jadi, mesyuarat kita tangguh pada 12.32 tengah hari. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 12.32 tengah hari]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac